



DR 8 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PROJEK PEMBINAAN PUSAT BERITA BERSEPADU

- KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA -



LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	16
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 14/2015 pada Rabu 25 Mac 2015	19
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 14/2015 pada Rabu 25 Mac 2015	
5.	Dokumen Pembentangan	

LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
TERHADAP PROJEK PEMBINAAN
PUSAT BERITA BERSEPADU (PBB)
KEMENTERIAN KOMUNIKASI & MULTIMEDIA

1. LATAR BELAKANG

Kajian Audit terhadap Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu (PBB) di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2013, Siri 3 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 10 November 2014.

Pembinaan PBB adalah di atas tanah milik Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) seluas 3.2 ekar di dalam kawasan Angkasapuri, Kuala Lumpur. Komponen projek bangunan 7 tingkat dengan keluasan lantai 32,483 meter persegi adalah untuk menyediakan ruang pejabat pegawai Berita Ehwat Semasa (BES), studio, fasiliti teknikal (BES TV dan BES radio), Khazanah Audio Visual, dan 197 kemudahan tempat letak kereta. PBB telah diserahkan kepada RTM pada 28 Jun 2012. Terdapat kelemahan yang dikenal pasti seperti bagi pembinaan projek PBB di mana kontraktor utama gagal penilaian peringkat kedua bagi keupayaan teknikal; kualiti kerja bagi pembinaan PBB adalah kurang memuaskan; tiada pelantikan kontraktor bagi kerja penyenggaraan berjadual bangunan di PBB; dan bangunan PBB tidak dapat digunakan secara optimum. Pembinaan bangunan ini dibiayai Syarikat Pembinaan PFI Sdn Bhd, walau bagaimanapun, Kementerian tidak memohon untuk kelengkapan bagi peralatan dalam penyiaran.

PAC telah memanggil Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM), Ketua Pengarah (KP) RTM berserta wakil daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam Mesyuarat PAC Bilangan 14/2015 pada 25 Mac 2015.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA KIRA-KIRAWANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA

PAC telah membincangkan isu Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu (PBB) di Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM yang dibangkitkan dalam Perenggan 11 LKAN Tahun 2013, Siri 3. Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- i. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu pembinaan tersebut;
- ii. Menentukan sama ada perbelanjaan telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;
- iii. Mengenal pasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- iv. Mengesyorkan tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a) Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2013, Siri 3;

- b) Memanggil pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Projek PBB iaitu KSU KKMM, KP RTM dan wakil daripada JKR untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- c) Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk hadir bersama.

4. HASIL PERBINCANGAN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada PAC mengenai isu yang telah dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2013. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KKMM, RTM dan JKR dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

4.1. Penjelasan Oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) memaklumkan mengenai hasil kajian terhadap projek pembinaan PBB di RTM:

- a) Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2013 hingga bulan Disember 2013 mendapati secara keseluruhannya Projek Pembinaan PBB adalah memuaskan di mana 61 bayaran interim bagi Projek Pembinaan PBB telah diselesaikan dalam tempoh 30 hari mengikut kontrak; dan sejumlah RM1.82 juta bayaran Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) dikutip daripada kontraktor utama.
- b) Bagaimanapun, beberapa kelemahan perlu diberikan perhatian iaitu:

- (i) kualiti kerja bagi pembinaan PBB adalah rendah di mana 53.6% pengguna tidak berpuas hati;
 - (ii) kerja pembinaan dibuat sebelum mendapat Kelulusan Perintah Pembangunan (DO);
 - (iii) kontraktor utama gagal penilaian peringkat kedua bagi keupayaan teknikal;
 - (iv) *Extension Of Time* (EOT) yang diluluskan meliputi 99.8% daripada tempoh kontrak;
 - (v) Perakuan Siap Kerja/ *Certificate Of Practical Completion* dikeluarkan sebanyak 2 kali;
 - (vi) tiada pelantikan kontraktor bagi kerja penyenggaraan berjadual bangunan di PBB; dan
 - (vii) bangunan PBB tidak dapat digunakan secara optimum.
- d) Pihak Audit telah mengedar borang soal selidik kepada seramai 50 orang kakitangan RTM bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap bangunan PBB. Hasil analisis mendapati hanya 46.4% pengguna berpuas hati dengan pembinaan PBB. Manakala 53.6% pengguna tidak berpuas hati dengan alasan sistem penyaman udara bangunan, kemudahan lif dan kerja kemasan kurang memuaskan; kebocoran bumbung; tempat letak kenderaan terhad/tidak mencukupi; paip di tandas tersumbat dan tiada peralatan dibekalkan.
- e) Berdasarkan Peraturan Kerajaan Tempatan, kontraktor tidak boleh memulakan / melaksanakan sebarang kerja pembinaan di tapak pembinaan sehingga kelulusan Perintah Pembangunan (DO) diperolehi. Tarikh milik tapak bagi Projek Pembinaan PBB adalah pada 28 Januari 2009 dan projek diserahkan kepada RTM pada 28 Jun 2012. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati DO telah

dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 24 Julai 2009 iaitu 6 bulan selepas tarikh milik tapak.

- f) Pelantikan kontraktor dibuat secara tender terbuka. Sebanyak 13 petender dengan harga terendah yang telah disenarai pendek untuk dinilai. Mesyuarat Lembaga Perolehan A JKR telah memilih syarikat JJ Actfast Development Sdn. Bhd.

Bagaimanapun, semakan Audit mendapati JJ Actfast Development Sdn. Bhd. tidak diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian Tender kerana gagal dalam penilaian peringkat kedua bagi keupayaan teknikal.

Berdasarkan semakan Audit, hanya 3 syarikat yang lulus penilaian keupayaan teknikal dengan markah antara 13.4 hingga 40.5 iaitu melepasi markah minima yang ditetapkan (12.5 markah). JJ Actfast Development Sdn. Bhd. tidak diperakukan kerana hanya memperoleh markah sebanyak 1.03. Kesemua petender ini mendapat 50 markah bagi keupayaan kewangan melepasi markah minimum Jabatan iaitu 20 markah.

- g) Mengikut syarat kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 532 hari (76 minggu) iaitu daripada 28 Januari 2009 hingga 13 Julai 2010. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan keseluruhan projek pada tempoh yang telah ditetapkan. Pihak JKR meluluskan 3 EOT masing-masing selama 171, 170 dan 190 hari. Lanjutan masa yang diluluskan meliputi 99.8% daripada tempoh kontrak asal.

LANJUTAN MASA	TARIKH KELULUSAN EOT	TARIKH SIAP YANG DITETAPKAN	TARIKH SIAP YANG DILANJUTKAN	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	17.09.2009	13.07.2010	31.12.2010	171	Kelewatan kelulusan Perintah Pembangunan (DO) daripada DBKL.
2	13.08.2010	31.12.2010	19.06.2011	140	Perubahan reka bentuk di aras Mekanikal disebabkan kerana terdapat penambahan ruang lantai (atas permintaan pelanggan/pengguna).
				30	Terdapat kelewatan dalam pelantikan NSC untuk kerja lif.
3	12.08.2011	19.06.2011	26.12.2011	190	Kelewatan kelulusan reka bentuk kekuda bumbung
JUMLAH (Hari)				531	

- h) Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 menyatakan apabila pada pendapat Pegawai Penguasa (PP) kontraktor telah menyiapkan kerja mengikut peruntukan kontrak, maka PP adalah bertanggungjawab mengeluarkan CPC. JKR telah mengeluarkan 2 CPC iaitu pada 1 Jun 2012 (pendudukan separa Aras *Mechanical and Electrical* (M&E), Aras *basement*, Aras bawah, kerja luaran dan sistem M&E) dan pada 28 Jun 2012 (Aras 1 hingga bumbung). Bagaimanapun, Klausula 42 pada CPC bertarikh 1 Jun 2012 adalah merujuk kepada pendudukan separa.

Fasal 42(e) Kontrak PBB menyatakan ganti rugi tertentu dan ditetapkan yang dinyatakan dalam kontrak akan dikurangkan mengikut kadar jumlah nilai bahagian yang diambil milik dan diduduki berbanding dengan jumlah harga kontrak. Pihak Audit mendapati, baki nilai kontrak yang masih belum diambil milik selepas tempoh pendudukan separa adalah berjumlah RM24.01 juta. Sehubungan itu, sejumlah RM81,324 perlu dikutip dengan kadar RM3,012 sehari bagi tempoh 27 hari. Bagaimanapun, selepas teguran Audit dibuat, sejumlah RM81,324 telah dikutip melalui Bayaran Muktamad pada 24 Julai 2014.

- i) Lawatan susulan Audit telah dilakukan pada 18 Julai 2014 bagi mengesahkan maklum balas terhadap tindakan pembaikan yang telah dilakukan. Hasil pemeriksaan mendapati, daripada 87 penemuan hanya 23 penemuan telah diambil tindakan. Manakala

14 penemuan telah diambil tindakan tetapi tidak sempurna. Bagaimanapun, sebanyak 48 penemuan belum diambil tindakan oleh kontraktor. Semakan juga mendapati, 2 penemuan lagi masih belum diambil tindakan kerana skop kerja pembaikan adalah di bawah tanggungjawab pihak RTM.

- j) Bagi memanjangkan jangka hayat kemudahan yang disediakan, penyenggaraan perlu dilaksanakan untuk menjaga, memulihkan, memperbaiki kemudahan dan persekitaran bangunan projek. Sehingga lawatan Audit pada 23 Disember 2013 pihak Audit mendapati RTM belum melantik kontraktor untuk penyenggaraan secara berkala bagi perkhidmatan sistem lif, sistem penyaman udara berpusat dan generator set di PBB.
- k) Projek ini disiapkan tanpa dilengkapi dengan sebarang peralatan penyiaran. Bagaimanapun, pembekalan peralatan penyiaran akan dibuat melalui *Projek Pembangunan Media City*. Lawatan susulan Audit pada 14 Mac 2014 mendapati pembekalan peralatan penyiaran masih tidak dapat dilaksanakan kerana masih terdapat perkara yang belum dimuktamadkan dalam kontrak Pembangunan *Media City*. Selain itu, RTM juga belum mendapat peruntukan kewangan bagi perolehan perabot serta peralatan penyiaran di PBB. Tanpa perolehan peralatan tersebut pegawai di PBB menggunakan *workstation*/peralatan sedia ada yang dibawa dari bangunan lama.

4.2. Jawapan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM)

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada KKMM bertarikh 9 Julai 2014, menyatakan:

- Memandangkan projek ini adalah projek PFI yang segera, pihak JKR WPKL terpaksa memulakan kerja seperti yang dijadualkan untuk memastikan projek disiapkan pada tahun 2010. JKR mengambil maklum berkenaan dengan masalah yang timbul atas memulakan kerja tanpa kelulusan merancang. Sehubungan itu, arahan daripada Pengurusan Atasan JKR telah dikeluarkan dari pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya pada 18 Oktober 2013 telah menetapkan bahawa Surat Kelulusan DO perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum Surat Setuju Terima kepada pihak kontraktor dikeluarkan.
- Penilaian markah keseluruhan di peringkat kedua terdiri daripada 2 komponen iaitu penilaian keupayaan kewangan dan keupayaan teknikal. Komponen utama dalam penilaian peringkat kedua ini adalah penilaian kewangan dimana markah minimum adalah 20 berbanding dengan penilaian teknikal sebanyak 12.5. Syarikat JJ Actfast Development Sdn. Bhd. setuju diterima kerana markah keseluruhan penilaian peringkat kedua yang diperolehi oleh syarikat adalah sebanyak 51.03 melebihi markah minimum yang diperlukan iaitu sebanyak 45 markah.
- JKR mengambil maklum terhadap teguran dan perlu menimbang dan meluluskan EOT sebelum tarikh projek sepatutnya siap. JKR akan memastikan kes seperti ini tidak akan berulang. Kelulusan PP telah diberikan terhadap pertukaran jenis kekuda bumbung melalui surat bertarikh 4 Ogos 2011 atas faktor penambahan beban kerana lukisan

awal (*Shop Drawing*) yang dikemukakan oleh kontraktor tidak mengambil kira sebarang beban terhadap sistem kekuda bumbung jenis *Cold Formed* yang direka bentuk. Adalah didapati sistem kekuda ini tidak berkeupayaan menanggung beban dan sistem kekuda jenis *Hot Rolled* dipertimbangkan.

- Terdapat kekeliruan bagi penggunaan Sijil Perakuan Pendudukan Separata (CPO), memandangkan sijil ini tidak disediakan di dalam Sistem Kawal Dan Lapor (SKALA) yang dibangunkan oleh JKR. Oleh yang demikian, modifikasi terhadap sijil sedia ada di dalam SKALA dilakukan dengan menyatakan projek ini disiapkan secara berbahagian (Pendudukan Separata) di ruangan Bahagian Pendudukan Separata (Aras M&E, Aras Basement, Aras Bawah, Kerja Luaran Dan Sistem M&E) tanpa menggunakan borang yang sepatutnya. Namun demikian, LAD tetap dikenakan RM3,012 sehari bagi tempoh 27 hari dengan jumlah kutipan RM81,324. Kutipan sejumlah RM81,324 telah dibuat melalui Bayaran Perakuan Muktamad pada 24 Julai 2014.
- JKR telah mengeluarkan surat kepada semua perunding yang mengawasi projek ini meminta memberi maklum balas berkenaan dengan kerja berkualiti rendah dan kerja yang masih belum sempurna. Bagaimanapun, bagi skop penyenggaraan, kerja-kerja pembaikan tersebut adalah di bawah tanggungjawab RTM.
- Kerja-kerja penyenggaraan sebenarnya telah dilakukan oleh RTM seperti berikut:

- a) Penyenggaraan lif – SST untuk kontrak lif telah dikeluarkan kepada LNE Elevator Sdn. Bhd. pada 13 Ogos 2014.
 - b) Sistem Penyaman Udara - SST telah dikeluarkan kepada Ahbasha Aircond Enterprise pada 4 September 2014.
 - c) Sistem Pencegah Kebakaran - SST telah dikeluarkan kepada Sinar Unggul Enterprise pada 7 Oktober 2014.
 - d) Penyenggaraan Sistem Janakuasa Tunggu Sedia telah dilaksanakan seperti yang dijadualkan. Senggaraan dengan beban dilakukan pada 28 Ogos 2014. Senggaraan tanpa beban dilakukan pada 24 September 2014 dan 27 Oktober 2014.
- Skop kerja bagi projek ini adalah hanya untuk pembinaan fizikal sahaja tanpa peralatan. Sehubungan dengan itu, bagi melengkapkan studio dengan peralatan yang sesuai, Jabatan memutuskan untuk memohon peruntukan pembelian peralatan dalam tempoh RMKe-9 pada tahun 2010 selaras dengan tarikh siap asal siap projek ini (13 Julai 2010).

Bagaimanapun, memandangkan projek ini siap pada 28 Jun 2012 yang mana berselari dengan pelaksanaan projek *Media City* yang bermula pada 2011, permohonan perolehan peralatan diputuskan untuk dibekal melalui projek MCD. Namun begitu, perjanjian di antara KKMM dengan MCD yang belum dimeterai menyebabkan pembekalan peralatan oleh MCD belum dapat dilaksanakan.

Permohonan RMKe-10 bagi *Rolling Plan 1 (RP1)* berjumlah RM126.5 juta tidak diluluskan oleh EPU atas adanya perancangan projek *Media City*. Permohonan sekali lagi di

bawah RP2 berjumlah RM126.5 juta - sekiranya berlaku kelewatan pelaksanaan *Media City* juga tidak diluluskan.

Perolehan sistem komputer penerbitan berita berjumlah RM2 juta telah ditender pada 15 Januari 2013. Bagaimanapun, tidak diluluskan oleh lembaga perolehan KKMM pada 15 November 2013 atas sebab melebihi peruntukan. (Usaha di atas telah dilaksanakan bagi memastikan perancangan peralatan PBB dapat disediakan selaras dengan objektif projek)

Jabatan juga sudah menyediakan spesifikasi teknikal untuk sewaan sistem pemberitaan (NRCS) sekiranya ada peruntukan. Sistem ini akan dipasang di PBB bagi membolehkan operasi Radio & TV BES berpindah ke PBB.

4.3. Keterangan Oleh KSU KKMM, KP RTM dan Pengarah Seksyen Pengurusan Projek (Ibu Pejabat), JKR

Ketua Setiausaha KKMM mengucapkan terima kasih kepada ahli Mesyuarat dan memperkenalkan KP RTM dan Pengarah Seksyen Pengurusan Projek (Ibu Pejabat), JKR bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan dalam LKAN Tahun 2013, Siri 3.

i) Kontraktor Utama Gagal Penilaian Peringkat Kedua Bagi Keupayaan Teknikal

Mengikut peraturan plan tender JKR pada tahun 2008, bagi membolehkan kontraktor diperakukan di peringkat kedua, kontraktor hendaklah layak terhadap 3 komponen iaitu keupayaan kewangan / belanjawan, teknikal dan keseluruhan. Ketiga-tiga komponen perlu lulus dan mencapai markah minimum yang ditetapkan.

ii) Bangunan PBB Tidak Dapat Digunakan Secara Optimum

Skop kerja bagi projek ini adalah hanya untuk pembinaan fizikal sahaja tanpa peralatan. Sehubungan dengan itu, bagi melengkapkan studio dengan peralatan yang sesuai, Jabatan memutuskan untuk memohon peruntukan pembelian peralatan dalam tempoh RMKe-9 selaras dengan tarikh siap asal siap projek ini.

Daripada segi penambahbaikan, permohonan RMKe-10 bagi RP1 berjumlah RM126.5 juta tidak diluluskan oleh EPU atas adanya perancangan projek Media City. Permohonan sekali lagi dibawah RP2 berjumlah RM126.5 juta - sekiranya berlaku kelewatan pelaksanaan *Media City* juga tidak diluluskan.

iii) Kerja Pembinaan Dibuat Sebelum Mendapat Kelulusan Perintah Pembangunan (DO)

Setiap projek perlu mendapat kelulusan kebenaran merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi projek PBB, sepatutnya diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya.

iv) Perakuan Siap Kerja/ *Certificate Of Practical Completion* Dikeluarkan Sebanyak 2 Kali

Terdapat kekeliruan bagi penggunaan Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO), memandangkan sijil ini tidak disediakan di dalam Sistem Kawal Dan Lapor (SKALA) yang dibangunkan oleh JKR. JKR telah mengeluarkan sijil CPC dan bukannya CPO bagi pendudukan separa bertarikh 1 Jun 2012.

v) Tiada Pelantikan Kontraktor Bagi Kerja Penyenggaraan Berjadual Bangunan Di PBB

Bagi tujuan *corrective action*, Jabatan telah melantik kontraktor bagi memastikan kerja-kerja pembaikan terancang dilaksanakan

- a) Penyenggaraan lif – SST untuk kontrak lif telah dikeluarkan kepada LNE Elevator Sdn. Bhd. pada 13 Ogos 2014.
- b) Sistem Penyaman Udara - SST telah dikeluarkan kepada Ahbasha Aircond Enterprise pada 4 September 2014.
- c) Sistem Pencegah Kebakaran - SST telah dikeluarkan kepada Sinar Unggul Enterprise pada 7 Oktober 2014.
- d) Penyenggaraan Sistem Janakuasa Tunggu Sedia telah dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

5.0 RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PAC Parlimen Malaysia merumuskan projek pembinaan PBB ini kepada:

i) Kelemahan Perancangan:

a) KKMM seharusnya membuat perancangan yang lebih teliti sebelum melaksanakan projek Pusat Berita Bersepadu (PBB) dalam memenuhi objektif pembinaan daripada aspek peruntukan kewangan, keperluan pengguna ke atas bangunan tersebut dan tempoh pelaksanaan dan penyiapan bangunan. Ini merupakan amalan yang lazim oleh semua Kementerian apabila merancang sesuatu projek.

b) JKR perlu memastikan kelulusan Development Order (DO) daripada DBKL sebelum projek dimulakan dan ini tidak berlaku. Tindakan memulakan pembinaan tanpa DO adalah suatu KESALAHAN BESAR.

c) KKMM gagal untuk memuktamadkan kerjasama dengan *Media City*. Dalam masa sama, masih memerlukan peruntukan daripada Kerajaan untuk membina bangunan dan peruntukan peralatan. Sepatutnya, KKMM perlu memuktamadkan sebelum memulakan pembinaan bangunan PBB. KKMM tidak sepatutnya mendapatkan peruntukan kerajaan melalui PFI untuk membina bangunan PBB terdahulu. Kementerian Kewangan juga patut lebih peka dalam meluluskan peruntukan melalui PFI sekiranya projek ini sudah dikenalpasti sebagai projek penswastaan.

ii) Kelemahan peranan SO / JKR Dalam Pelaksanaan Projek:

- a) JKR selaku pelaksana projek dan Pegawai Penguasa (SO) telah gagal mematuhi kriteria-kriterianya sendiri dalam memilih pentender khususnya daripada aspek teknikal. JKR juga lemah dalam memantau pelaksanaan projek sehingga tempoh lanjutan masa / Extension of Time (EOT) mengambil masa yang lama selama 531 hari dan keadaan bangunan tidak sempurna.
- b) JKR juga mengizinkan kontraktor memulakan projek tanpa sijil Development Order (DO) daripada DBKL dan dalam masa yang sama memberi lanjutan masa (EOT) selama 171 hari.
- c) JKR memberikan laporan kualiti kerja, mutu pembinaan yang begitu rendah serta tidak sempurna namun pada masa yang sama mengeluarkan CPC kepada kontraktor.

iii) Tanggungjawab / Peranan KKMM Dalam Pelaksanaan Projek:

- a) KKMM sepatutnya melantik kontraktor penyenggaraan bangunan sebelum menerima bangunan PBB dan kontrak penyenggaraan berkuatkuasa sebaik menerima bangunan.

Rumusan Keseluruhan PAC:

Projek PBB tidak memenuhi objektif awal pelaksanaan projek kerana tanpa peralatan, bangunan yang telah siap itu tidak dapat berfungsi sebagai balai berita dan ia adalah suatu pembaziran kepada wang rakyat.

KKMM tidak sepatutnya merancang dan membina projek ini kerana sudah sedia maklum akan perancangan melalui projek penswastaaan Media City. Peruntukan projek ini seharusnya boleh disalurkan kepada projek-projek yang menjadi keutamaan lain.

6.0 SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi memulakan siasatan terhadap:

- a) Kelulusan pelantikan kontraktor oleh Lembaga Perolehan termasuk pengesyoran oleh Jawatankuasa Teknikal JKR.
- b) Pegawai JKR yang terlibat sebagai Pegawai Penguasa (SO).

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN
5.0	PAC Parlimen Malaysia merumuskan projek pembinaan PBB ini kepada:
i)	Kelemahan Perancangan:
a)	KKMM seharusnya membuat perancangan yang lebih teliti sebelum melaksanakan projek Pusat Berita Bersepadu (PBB) dalam memenuhi objektif pembinaan daripada aspek peruntukan kewangan, keperluan pengguna ke atas bangunan tersebut dan tempoh pelaksanaan dan penyiapan bangunan. Ini merupakan amalan yang lazim oleh semua Kementerian apabila merancang sesuatu projek.
b)	JKR perlu memastikan kelulusan Development Order (DO) daripada DBKL sebelum projek dimulakan dan ini tidak berlaku. Tindakan memulakan pembinaan tanpa DO adalah suatu KESALAHAN BESAR.
c)	KKMM gagal untuk memuktamadkan kerjasama dengan <i>Media City</i> . Dalam masa sama, masih memerlukan peruntukan daripada Kerajaan untuk membina bangunan dan peruntukan peralatan. Sepatutnya, KKMM perlu memuktamadkan sebelum memulakan pembinaan bangunan PBB. KKMM tidak sepatutnya mendapatkan peruntukan kerajaan melalui PFI untuk membina bangunan PBB terdahulu. Kementerian Kewangan juga patut

PARA	RUMUSAN
	<p>lebih peka dalam meluluskan peruntukan melalui PFI sekiranya projek ini sudah dikenalpasti sebagai projek penswastaan.</p>
<p>ii)</p>	<p>Kelemahan peranan SO / JKR Dalam Pelaksanaan Projek:</p> <p>a) JKR selaku pelaksana projek dan Pegawai Penguasa (SO) telah gagal mematuhi kriteria-kriterianya sendiri dalam memilih pentender khususnya daripada aspek teknikal. JKR juga lemah dalam memantau pelaksanaan projek sehingga tempoh lanjutan masa / Extension of Time (EOT) mengambil masa yang lama selama 531 hari dan keadaan bangunan tidak sempurna.</p> <p>b) JKR juga mengizinkan kontraktor memulakan projek tanpa sijil Development Order (DO) daripada DBKL dan dalam masa yang sama memberi lanjutan masa (EOT) selama 171 hari.</p> <p>c) JKR memberikan laporan kualiti kerja, mutu pembinaan yang begitu rendah serta tidak sempurna namun pada masa yang sama mengeluarkan CPC kepada kontraktor.</p>
<p>iii)</p>	<p>Tanggungjawab / Peranan KKMM Dalam Pelaksanaan Projek:</p> <p>a) KKMM sepatutnya melantik kontraktor penyenggaraan bangunan sebelum menerima bangunan PBB dan kontrak penyenggaraan berkuatkuasa sebaik menerima bangunan.</p>

PARA	RUMUSAN
	<p>Rumusan Keseluruhan PAC:</p> <p>Projek PBB tidak memenuhi objektif awal pelaksanaan projek kerana tanpa peralatan, bangunan yang telah siap itu tidak dapat berfungsi sebagai balai berita dan ia adalah suatu pembaziran kepada wang rakyat.</p> <p>KKMM tidak sepatutnya merancang dan membina projek ini kerana sudah sedia maklum akan perancangan melalui projek penswastan Media City. Peruntukan projek ini seharusnya boleh disalurkan kepada projek-projek yang menjadi keutamaan lain.</p>

PARA	SYOR
6.0	<p>Tubuhkan Jawatankuasa Siasatan bagi memulakan siasatan terhadap:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kelulusan pelantikan kontraktor oleh Lembaga Perolehan termasuk pengesyoran oleh Jawatankuasa Teknikal JKR. b) Pegawai JKR yang terlibat sebagai Pegawai Penguasa (SO).

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Mesyuarat PAC Bil 14/2015 Pada Rabu 25 Mac 2015

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 14/2015 PADA RABU 25 MAC 2015
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
25 Mac 2015 (Rabu) 11.00 pagi	Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu	Kementerian Komunikasi & Multimedia

LAPORAN PROSIDING

- Mesyuarat PAC Bil 14/2015 Pada Rabu 25 Mac 2015

Bil.14

**Rabu
25 Mac 2015**



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu

- Kementerian Komunikasi dan Multimedia

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BLOK A
BANGUNAN SEMENTARA, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 25 MAC 2015**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan)]
Encik Zamani bin Md Jidin [Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan (Bahagian Teknikal)]
Cik Noraty Fatimah binti Ahmad [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan)]
Encik Mohd Iskandar bin Amran [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan)]
Puan Nurazwa binti Abdul Samad [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan)]
Cik Nor Amrina binti Zerry @ Azhari [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan)]
Puan Nurafidah binti Ab Rani [Penolong Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan)]

(Samb/-)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet)]

Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen & Kabinet)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abdul Kadir [Timbalan Pengarah Kanan (Bahagian Perkhidmatan)]

Puan Suzana binti Alias [Timbalan Pengarah Bahagian Pembangunan Organisasi (Perjawatan)]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Komunikasi dan Multimedia**

YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' K. Balasingam [Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)]

Dr. Ong Gua Pak [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]

Encik Kamarudin bin Abdul Rani [Setiausaha Bahagian (Pembangunan)]

Tuan Yang Zaimey bin Yang Ghazali [Penasihat Undang-undang]

Jabatan Penyiaran Malaysia

YBhg. Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim [Ketua Pengarah]

Puan Hajah Sabariah binti Abbas [Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran (Operasi)]

Tuan Haji Ab. Wahid bin Ab. Hamid [Pengarah Perkhidmatan Teknikal]

BERNAMA

YBhg. Datuk Zulkefli bin Salleh [Pengurus Besar]

Jabatan Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Azizah binti Osman [Pengarah Bahagian Pengurusan Projek 1 (Ibu Pejabat)]

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim [Pengarah Seksyen Pengurusan Projek (Ibu Pejabat)]

Ir. Cheong Pui Keng [Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]

Sr. Sariah binti Abu Hassan [Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (Ibu Pejabat)]

Puan Maznee binti Mahyudin [Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (Ibu Pejabat)]

Encik Maihandran a/l Kristnan [Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Projek 1 (Ibu Pejabat)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 25 Mac 2015****Bilik Jawatankuasa 2, Tingkat 1, Blok A, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.20 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari dan Jabatan Audit Negara, wakil-wakil kementerian. Selamat pagi dan selamat datang ke mesyuarat PAC kita pada pagi ini khusus untuk membincangkan mengenai hal Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan agensinya, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM).

Projek ini telah dirancang pada tahun 2006. Dilaksanakan cara PFI. Saya pun tidak tahu PFI mana satu ini ya. Di mana...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tak masuk, tak masuk ini *[Ketawa]* Di mana kontraktor utama telah dilantik secara tender terbuka dengan kos siling sebanyak RM90.58 juta. Pengarah JKR Wilayah Persekutuan adalah bertindak sebagai pegawai penguasa projek ini. Hari ini kita panggil Kementerian Komunikasi dan Multimedia atau RTM?

Seorang Ahli: Kementerian Komunikasi.

Tuan Pengerusi: Ya, tetapi ini pegawai penguasa projek, JKR. Pembinaan Pusat Berita Bersepadu ini telah dijalankan di atas tanah milik kementerian yang terletak dalam kawasan Angkasapuri, Kuala Lumpur. Bangunan ini telah diserahkan kepada RTM pada Jun 2012. Berdasarkan kepada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara daripada November hingga Disember 2013, adalah memuaskan. Namun, terdapat beberapa isu yang telah ditemui dan memerlukan perhatian.

Antaranya kegagalan kontraktor utama dalam penilaian peringkat kedua, keupayaan teknikal, kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan, tiada pelantikan kontraktor untuk kerja penyelenggaraan berjadual dan penggunaan bangunan Pusat Berita Bersepadu yang tidak optimum.

Ini saya pun tidak tahu macam mana klasifikasi yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara kata memuaskan tetapi ada kekurangan. Jadi kalau boleh Datuk Anwari cuba terangkan sikit kepada kita. Saya sudah melawat pusat ini dan sampai sekarang tidak pakai lagi. Ia sudah lewat dua tahun siap. Selepas itu sampai sekarang ia hanya pakai sebagai pejabat sahaja, bukan sebagai pusat penyiaran.

Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan.

Jadi bagi projek ini, sebagaimana disebut tadilah, ada yang memuaskan, ada yang tidak memuaskan. Itu yang ada apabila kita timbang secara rumusnya memuaskanlah ya. So, isu-isu yang kita temui pertamanya daripada segi aspek pengurusan kontrak. Ada beberapa isulah di bawah pengurusan kontrak ini yang lemah. Kedua, daripada segi kualiti kerja pembinaan. Semasa lawatan pertama pada 23 Disember 2013, kita dapati banyaklah kelemahan-kelemahan yang kita turut bersama bawa kontraktor ke tapak.

Dan susulan audit pada 18 Julai 2014, kita dapati kerja-kerja pembaikan ada dijalankan. Namun, ada bukti-bukti kita tunjukkan kerja pembaikan tidak sempurna. Ada yang masih belum diambil tindakan. Siling di tingkat tiga masih berkulat. Ada unsur pembaziran di aras tiga dan lima. Ini sukacita dinyatakan belum beroperasi walaupun telah diterima satu tahun enam bulan pada 28 Jun 2012. Di antara...

Tuan Pengerusi: *Warranty period* daripada kontraktor pembinaan sudah habis, kan? Sudah luput, kan?

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, antara bilik-bilik yang tidak digunakan, Unit Wartawan, Unit Penerbitan, Studio 2, Studio 3 dan Studio 4, Stesen Berita Radio dan juga Berita TV di aras tiga dan empat.

Tuan Pengerusi: Bukan itu kah fungsi Pusat Berita?

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi Unit Wartawan tidak boleh pakai...

Datuk Haji Anwari bin Suri: Sebagaimana yang disebut oleh...

Tuan Pengerusi: ...Studio tidak pakai.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Ya. Pada tahun 2006, disebut RTM telah merancang untuk bina dan menyiapkan Pusat Berita Bersepadu bagi melicinkan operasi penyiaran berita. So, kalau keadaan macam ini, macam mana hendak licin, kan? Jadi...

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya ingat pada masa itu ada sukan kah atau ada apa *major event* yang tujuan dibuat itu? Ada *major event* yang kita hendak cover.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ada *another one*. Tiada ya?

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Haji Anwari bin Suri: So, untuk *detail* ya Yang Berhormat, saya jemput pegawai saya Tuan Haji Nasri untuk membentangkan. Terima kasih.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir [Timbalan Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan), Jabatan Audit Negara]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera, salam 1Malaysia Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato'-Dato', Yang Berbahagia Datuk Timbalan Ketua Audit Negara, Yang dihormati Pengarah Audit Negeri, wakil-wakil agensi pusat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Konsep Projek Pembinaan Pusat Berita Bersepadu adalah untuk menyatupadukan Pusat Berita TV dan juga Pusat Berita Radio dalam sebuah bangunan dan bertujuan memastikan kepantasan penyiaran berita dan melicinkan proses kerja pusat berita- TV, radio, dan juga hal ehwal berita semasa. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kemudahan khazanah audio-visual untuk menempatkan semua *footage* dan program audio-visual RTM. *Next.*

Peruntukan projek, siling projek RM90.58 juta. Tarikh membina tapak pada 12 Januari 2009 dan tarikh patut siap sepatutnya 13 Julai 2010. Lokasi projek di kawasan Angkasapuri Kuala Lumpur dengan keluasan lantai 32,483 meter persegi yang dikawal selia oleh Pegawai Penguasa, Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, wakilnya Ketua Penolong Pengarah Kanan Pembangunan JKR. Kontraktor utama yang dilantik ialah JJ Actfast Development Sdn. Bhd..

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Kaedah pembiayaan, seperti yang sebutkan tadi, projek PFI. Tarikh diserahkan, 28 Jun 2012.

Tuan Pengerusi: Ini PFI daripada Syarikat Pembinaan PFI itu?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Ia projek kaedah inisiatif.

Tuan Pengerusi: Tahu, tahu. Kita baru dapat taklimat daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, yang ini ia ada...

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Akaun amanah. Ia ada satu Akaun Amanah Khas.

Tuan Pengerusi: Ya?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Akaun Amanah Khas di...

Tuan Pengerusi: Maknanya daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. lah?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Kementerian Kewangan itu.

Tuan Pengerusi: Kementerian Kewangan punya lah? Wakil Kementerian Kewangan, betul ini Syarikat Pembinaan PFI punya duit ini?

Encik Rosli bin Yaakub [Ketua Unit (Parlimen dan Kabinet), Kementerian Kewangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Tolong *check* cepat. Kita hendak tahu juga, pasal sepatutnya duit itu buat balai polis, buat sekolah. Ini buat pusat penyiaran ini...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: *Next...* *[Pembentangan merujuk paparan slide]*

Projek PBB, projek konvensional perunding. Projek berdasarkan reka bentuk yang disediakan oleh perunding yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan *nominated* subkontraktor yang dilantik oleh JKR adalah seperti dipaparkan. Okey.n

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Prestasi kewangan projek seperti mana yang dipaparkan, sejumlah RM86.82 juta telah dibelanjakan, hampir 95.85%...

■1130

Skop projek. Perancangan, pelaksanaan dan pematuhan terhadap projek pembinaan PBB dan pengauditan telah dijalankan di JKR Wilayah Persekutuan dan cawangan-cawangan yang berkaitan, juga di RTM dan Seksyen Kejuruteraan Interaktif, RTM dengan kaedah pengauditan menyemak fail rekod, dokumen dan kontrak berkaitan, juga lawatan fizikal lokasi dan juga kita ada mengeluarkan soal selidik diedarkan kepada kakitangan sebanyak 50 helai borang.

Secara keseluruhannya rumusan tadi yang saya sebutkan adalah secara umumnya projek pembinaan adalah memuaskan di mana 61 bayaran interim telah diselesaikan dalam tempoh 30 hari dan LAD telah dikutip sebanyak RM1.82 juta.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, kalau kita ada memuaskan, mengapakah kita hendak audit lagi?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Sebenarnya ada yang baik, dan ada yang lemah di situ lah menyebabkan kita kata memuaskan...

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi kelemahan itu lebih daripada...

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Masih ada kelemahan-kelemahan yang kita lihatlah...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara]: Tuan Pengerusi, sebenarnya secara keseluruhan...

Tuan Pengerusi: Dah buat tetapi tidak berfungsi lagi.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Maksudnya secara keseluruhan – ini rumusan daripada kita, secara keseluruhan projek itu dibinakan pada pandangan kita adalah memuaskan. Tapi dalam pelaksanaan itu, ada isu-isu yang kita laporkan. Secara keseluruhannya dia memuaskan.

Tuan Pengerusi: Dah setahun enam bulan dah *takeover* tapi masih tak pakai lagi. Ia tak dipakai lagi sebagai...

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Pusat Berita Bersepadu.

Yang pertama, pencapaian akaun projek yang berdasarkan situasi tadi, kita dapati tahap ketidakpuasan hati itu 53.6%.

Kedua, kerja pembinaan dibuat tanpa mendapat kelulusan DO terlebih dahulu.

Ketiga, kontraktor utama gagal penilaian teknikal. Keempat, EOT yang hampir 100% yang diliputi.

Kemudian, CPC dikeluarkan sebanyak dua kali.

Seterusnya, kualiti kerja yang kurang memuaskan.

Ketujuh, tiada pelantikan kontrak bagi kerja penyelenggaraan berjadual bangunan.

Dan yang akhir, bangunan PBB tidak dapat digunakan secara optimum.

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang *extension* 99.8% itu bermakna sekali ganda lah?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Ya, sekali ganda. Isu pertama ialah pencapaian akaun projek. Seperti mana yang saya sebut tadi...

Tuan Pengerusi: Itu yang Yang Berhormat Kepong cakap tadi, macam mana *you* kata memuaskan kalau bagi EOT sampai tempoh pelaksanaan kontrak itu kan? Maksudnya tak memuaskanlah. Tolong betulkan definisi ini pasal kita ini keliru sedikit.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Cuma kalau kita tengok di situ, EOT diberi *because* separuh daripada EOT, tarikh yang kita bagi itu sebab DO, *development order* itu yang tidak kena pada itu. *Development Order* maksudnya orang lain, Dewan Bandaraya lewat mengeluarkan, tidak mengeluarkan DO.

Tuan Pengerusi: Pengambilan tanah tidak ada masalah sebab tanah ini dalam kawasan Angkasapuri. Lepas itu, DO lambat itu maknanya adakah kementerian tak *apply*, kementerian tak kejar yang menyebabkan projek ini lambat?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Nanti kita tanya orang JKR lah, kenapa lambat itu.

Tuan Pengerusi: JKR ada?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ada, ada.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ataupun ini membawa kita untuk berfikir dan bincang kaedah audit macam Tuan Pengerusi kata tadi. Kita kena bagi *weightage* pada- misalnya kalau EOT sampai sekali ganda, *weightage* dalam pertimbangan kita memuaskan atau tidak memuaskan itu, tinggi kah rendah. Lepas itu, *cost overrun* misalnyalah. *Weightage* dari segi perkiraan itu, Audit ada *benchmarks* macam ini?... [Disampuk] Tak ada lagi. Memuaskan tapi *takes double the time to complete*.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Kalau guna indeks akauntabiliti, kita ada "Sangat Baik", "Baik", "Memuaskan", dan "Kurang Memuaskan". Itu yang kita bagi dalam...

Tuan Pengerusi: Dalam hal ini, saya rasa DBKL yang dipersalahkan fasal EOT ini. Dia agensi lain, bukan RTM tetapi saya hendak tahu juga, sama ada kelewatan itu disebabkan oleh kementerian sendiri kerana lambat menghantar, tak *follow up*, macam biasa.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Kehendak Akta Kerajaan Tempatan 1976, DO perlulah dapat terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan. Jadi DO berdasarkan tarikh milik tapak bagi projek pembinaan pada 28 Jun, dan projek diserahkan kepada RTM pada 28 Jun. Maka DO telah dikeluarkan oleh DBKL pada 24 Julai 2009 iaitu enam bulan selepas tarikh milik tapak.

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Ini maklum balas yang diberikan oleh pihak JKR.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya dia orang buat dulu, baru kelulusan DO sampailah.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Macam itu pula, boleh kah?

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]: Macam mana dia ambil tapak, kalau dia tak ada DO? *How do you start the project? Site possession*, ikut tarikh mula binaan. *You haven't got the DO, how do you...?...* Pelik!

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Projek ini sama sekali tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi: Kalau projek yang *start* tanpa DO, dapat CFO tak?... *[Ketawa]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dia boleh dapat, dia boleh dapat CF sebab dia akan dipanggil "*as billed*". Bila dia dah buat, dia buat *as billed*. Tapi *being a government*, macam mana kita *missed* peraturan *basic* itu, macam kontraktor *start*, tak dapat *Letter of Intent*, mana boleh. Tak dapat LO, betul tak? Logiknya.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Kalau kita tengok maklum balas dia itu, kita tengok, memang JKR mengakui yang kesilapan tersebut. So dia...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: *Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]*

Isu ketiga ialah kontraktor utama gagal penilaian peringkat kedua iaitu keupayaan teknikal. Didapati sebanyak 13 orang penender dengan harga terendah telah disenarai pendek untuk dinilai seperti yang dipaparkan. Inilah 13 buah syarikat yang telah disenarai pendek... *[Merujuk kepada pembentangan slaid]*

Jawatankuasa Penilaian Tender telah membuat penilaian tidak memperakukan JJ Actfast Development Sdn. Bhd. kerana gagal penilaian kedua bagi keupayaan tender. Bagaimanapun, Mesyuarat Lembaga Perolehan 'A' telah membuat keputusan memilih Syarikat JJ Actfast sebagai kontraktor utama.

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Berdasarkan...

Tuan Pengerusi: Siapakah KSU masa ini? Saya tahu jawapannya, saya tanya awak sahaja.

Cik Noraty Fatimah binti Ahmad [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan), Jabatan Audit Negara]: Yang Berbahagia Tan Sri Kamaruddin bin Siaraf.

Datuk Haji Anwari bin Suri: Tan Sri Kamaruddin bin Siaraf.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Berdasarkan justifikasi itu, JJ Actfast Development Sdn Bhd iaitu petender 9/21 yang telah menawarkan harga yang terendah RM62.6 juta dengan markah kewangan 50 berbanding pesaing yang layak tersebut iaitu petender 1/21 dengan RM65.6 juta. Bagaimanapun, JJ Actfast tidak mencapai markah minimum 12, di mana dapat satu markah sahaja dari sudut teknikal. Manakala pesaing yang layak telah mendapat markah yang lebih iaitu 15.88. Ini sebab alasan asas pemilihan kontrak ini, yang lulus Kementerian Kewangan sahaja yang diutamakan.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Keempat ialah *extension of time* meliputi...

Tuan Pengerusi: Apa jawapan tadi, apakah jawapan kementerian tadi?... [Merujuk kepada slaid pembentangan] Dia kata pasal Kementerian Kewangan yang bagi.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Mengikut perancangan, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 532 hari iaitu 76 minggu daripada 28 Januari hinggalah 13 Julai 2010. Pihak JKR telah memberi kelulusan tiga EOT, masing-masing 171 hari sehingga 190 hari. Lanjutan masa yang diluluskan meliputi 100% dari tempoh kontrak asal telah diserahkan kepada RTM pada 28 Jun 2012.

■1140

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Ini adalah tiga EOT yang telah diberikan dan sebab-sebabnya adalah: Pertama, kelewatan kelulusan DO; kedua, perubahan reka bentuk aras mekanikal disebabkan oleh penambahan ruang lantai dan terdapat kelewatan dalam pelantikan NSC juga; dan ketiga, kelewatan kelulusan reka bentuk kekuda bumbung.

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Tuan Pengerusi, kalau kita hendak tanya tadi kan, tadi kita ada bincang yang dia *start* kerja sebelum DO diluluskan tetapi dalam EOT ini ada alasan untuk lanjutan masa kerana DO. So, nampak *contradict* tadi kerana dia mula kerja sebelum DO tetapi...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Boleh tanya, *contradict* di situ nampaknya.

Tuan Pengerusi: Itulah peranan konsultan pasal ini projek *design and build*, bukan?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Ya?

Tuan Pengerusi: *Design* dibuat oleh konsultan bawah JKR lah, bukan?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Profesional, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bukan, profesional?

Encik Zamani bin Md Jidin [Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan (Bahagian Teknikal), Jabatan Audit Negara]: Tuan Pengerusi, ia konvensional perunding. Perunding *design*, tender baru lantik kontraktor. Ia bukan *design and build*.

Tuan Pengerusi: Oh, ia bukan *design and build*?

Encik Zamani bin Md Jidin: Bukan. Ini macam konvensional dan perunding.

Tuan Pengerusi: Konvensional dan perunding.

Encik Zamani bin Md Jidin: Ya, campur.

Tuan Pengerusi: Ini kerana saya tengok tadi itu, lanjutan 140 hari campur lagi 30 hari diberikan untuk perubahan reka bentuk di aras mekanikal dan apa semua...

Encik Zamani bin Md Jidin: Ya.

Tuan Pengerusi: Sepatutnya perkara ini tidak berlaku. Kenapakah ada perubahan reka bentuk selepas pembinaan dijalankan? Maknanya ada *design fault* lah.

Encik Zamani bin Md Jidin: Yang kedua itu permintaan pelanggan semasa ia sudah...

Tuan Pengerusi: Ya lah, siapa pelanggan dia- RTM kah, siapa?

Encik Zamani bin Md Jidin: Pelanggan RTM lah, RTM.

Tuan Pengerusi: Kenapakah input ini tidak diberikan lebih awal?

Encik Zamani bin Md Jidin: Itu kena tanya kementerianlah sekejap lagi.

Tuan Pengerusi: Itulah. Sepatutnya kalau projek ini sudah *didesign* oleh JKRkah atau apakah, dengan input daripada kementerian, kenapa selepas pembinaan dijalankan ada perubahan lagi daripada segi...

Encik Zamani bin Md Jidin: Dah diambil kiralah.

Tuan Pengerusi: Ya, diambil kira. Okey. Ini lagi bagus... [Merujuk kepada paparan slaid] Penambahan ruang lantai. Maksudnya diminta *extend floor space*, bukan? Macam mana mereka minta tambahan ruang lantai selepas mereka sudah setuju *design* yang awal? Okey.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Next... [Pembentangan merujuk paparan slaid]

Perakuan siap kerja atau *Certificate of Practical Completion* atau CPC dikeluarkan sebanyak dua kali. Mengikut peraturan, CPC hendaklah dikeluarkan selepas siap kerja. Projek pembinaan PBB sudah diberikan dua CPC yang bertarikh 1 Jun dan 28 Jun. Sepatutnya pada tarikh 1 Jun tarikh merujuk kepada CPO iaitu Sijil Perakuan Pendudukan Separa tetapi pihak JKR telah mengeluarkan sijil CPC. Disebabkan kekeliruan dan kesilapan tersebut, sejumlah RM81,324 LAD perlu dikutip.

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Ini tarikh di mana sepatutnya- pada 1 Jun itu tarikh sepatutnya CPO. Sebenarnya 1 Jun bukan tarikh CPC tapi ialah tarikh CPO. Pihak JKR telah mengutip LAD sejumlah RM1.8 juta. Disebabkan sijil sepatutnya CPO, maka masih ada lagi LAD yang patut dikutip sebanyak RM81,324 bagi tempoh 27 harilah.

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Sebenarnya ini maklum balas daripada pihak JKR sendiri yang kata kelemahan dalam sistem SKALA lah. Kalau lihat kepada itu bahawa SKALA ini hanya boleh mengeluarkan CPO sahaja.

Tuan Pengerusi: Maksudnya CPO ini sebelum bomba punya kelulusan? CPC sudah dapat bombalah?

Encik Mohd Iskandar bin Amran [Juruaudit Sektor Audit Kerajaan Persekutuan (Penerangan), Jabatan Audit Negara]: CPO ini untuk tujuan separa. Ia ambil sebahagian. Maksudnya sebahagian bangunan yang siap ambil dahulu dan masuk dahulu tetapi dia tidak keluarkan CPO, dia keluarkan CPC. CPC maksudnya *full, complete*.

Tuan Pengerusi: So dia dapat CPC, patut...

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Sepatutnya dia keluarkan CPO tetapi dia keluarkan CPC. Oleh sebab dia keluarkan CPC, dia tidak dikenakan denda sebab ada sebahagian lagi kerja-kerja yang tidak siap lagi...

Tuan Pengerusi: So adakah orang JKR pakat dengan ini?

Seorang Ahli: Tak tahu, Tuan Pengerusi. Kena tanya mereka.

Tuan Pengerusi: Ya, okeylah.

Encik Zamani bin Md Jidin: Dia macam ini, Tuan Pengerusi. Katalah bangunan itu ada empat buah blok. So, siap dua buah blok, diambil dahulu tetapi borang yang dikeluarkan itu borang CPC, maksudnya siap semua. Dia silap borang. Dia patut guna borang CPO. So denda itu, yang sudah siap itu sudah tidak kira.

Tuan Pengerusi: Itu saya cakap tadi. Maknanya bila dia keluarkan CPC untuk buat separuh sahaja tetapi ia kira digunapakai untuk semua sebagai pengiraan LAD, pengiraan bayaran dan sebagainya, ada pakatkah di antara...

Encik Zamani bin Md Jidin: Bukan pakat. Alasan dia, borang yang tidak ada di dalam dia punya sistem.

Tuan Pengerusi: Jadi, bodohlah.

Encik Zamani bin Md Jidin: Patutnya dia boleh guna yang *hardcopy* pun boleh.

Tuan Pengerusi: Ya, memanglah. Jadi kerjalah. Sebab itulah daripada RM80,000 yang tak bayar LAD ini, syerlah RM40,000, atau apakah?

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Kalau tengok maklum balasnya itu, amaun tersebut dia akan kutip balik. Dalam maklum balas. Dia bersetujulah. Maksudnya dengan pandangan kita itu, dia bersetuju dan dia kutip balik.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Yalah. Maknanya kalau Jabatan Audit tidak masuk...

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Ya, tidak ada lah.

Tuan Pengerusi: Tidak ada lah. Okeylah.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Selepas teguran Jabatan Audit itu, amaun LAD telah dikutip.

Next... [Pembentangan merujuk paparan slide]

Kualiti kerja pembinaan PBB kurang memuaskan. Lawatan pihak Jabatan Audit telah dilakukan pada 18 Julai mengesahkan maklum balas terhadap tindakan pembaikan yang dilakukan. Daripada 87 penemuan, hasil pemeriksaan ini mendapati yang telah diambil tindakan ialah sebanyak 23; kerja pembaikan tidak sempurna, 14; belum diambil tindakan kontraktor, 48; dan belum diambil tindakan RTM sendiri, dua. Jumlah keseluruhannya 87.

Tuan Pengerusi: *Warranty period* sudah habis sudah?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Sudah lama.

Tuan Pengerusi: Ya. Buat apa kontraktor hendak buat?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Inilah yang telah diambil tindakan... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Gambar-gambar seperti yang dipaparkan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: *I think we should call the consultant. Not only JKR but the consultant. How can they approve of this?*

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Isu yang ketujuh ialah- tiada pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja penyelenggaraan.

Sehingga lawatan Jabatan Audit pada 23 Disember, RTM belum melantik kontraktor untuk penyelenggaraan secara berkala bagi perkhidmatan sistem lif, penyaman udara dan juga *generator set* di PBB. Bagaimanapun, hasil daripada teguran Jabatan Audit, pihak RTM telah melantik kontraktor-kontraktor tersebutlah. Sehingga kini semuanya telah dilantik.

Next, yang terakhir ialah bangunan PBB tidak dapat digunakan secara optimum. Berdasarkan kontrak, projek PBB pembinaan bangunan tujuh tingkat tanpa dilengkapi sebarang peralatan di mana pembekalan peralatan bagi PBB akan dibuat melalui Projek Media City.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Projek ini termasuk bekalan peralatan, bukan?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Tidak termasuk. Hanya bangunan.

Tuan Pengerusi: Projek Pembangunan Media City ini penswastaaan, bukan? So macam mana kerajaan boleh buat bangunan, selepas itu swastakan pula? Apakah ia punya fungsi?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Ini aras yang telah siap... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]*

Kalau didapati aras dua, tiga dan lima- aras yang masih belum diisi pada masa itu ialah aras tiga dan lima. Bilik konti di aras tiga dan di aras lima ruang kerja yang masih kosonglah.

Tuan Pengerusi: Tak, nampak cantik tetapi tadi / tengok slaid awal *you* tadi, *you* kata *survey* daripada pengguna kata 53.6% tidak puas hati dengan fungsi pusat berita ini, tetapi dalam gambar nampak lawalah. Akan tetapi kalau pergi melawat, macam saya tengok itu hari, *poor* lah. *Poor, poor!*

■1150

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: *Next*. Kakitangan di PBB masih menggunakan peralatan lama daripada Angkasapuri yang dibawa ke sana.

Next... *[Pembentangan merujuk paparan slide]*

Inilah maklum balas daripada kementerian bahawa kementerian telah membuat beberapa permohonan dalam RMKe-10 dalam RP1 dan RP2 tetapi tidak diluluskan kerana tiada peruntukan. Kalau makluman terkini ini, seperti mana diberi oleh kementerian, bahawa sehingga ke hari ini jumlah keseluruhan petugas katanya Bahagian Berita Ehwat Semasa ialah 476 orang, dan hanya 68% sahaja yang telah diisi. Baki lagi masih ditempatkan di Wisma TV. Jadi dia masih belum disepadukan dalam satu bangunan.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini dia buat ini tarafnya taraf ofis sahajalah? Bukan fungsi sebagai studiolah.

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: Macam pentadbiran sahajalah nampaknya.

Tuan Pengerusi: Macam pentadbiran. Macam buat bangunanlah. Jadi soalan yang kita patut tanya ialah kenapa buat bangunan tanpa ada perisian. Tajuknya kata fungsi dia macam ini tetapi kontraknya buat bangunan. Macam burung walet semalamlah. Buat bangunan tetapi burung tidak ada *[Ketawa] Become a construction contractlah*. Ada soalan lain?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Perubahan yang menyebabkan *extension of time* disebabkan penambahan ruang lantai, adakah ini implikasi kewangan meningkat ataupun ia tidak...?

Tuan Pengerusi: Projek ini ikut siling atau *burst ceiling*?

Seorang Ahli: Bawah siling.

Tuan Pengerusi: Bawah siling, ya. Pelarasan harga kontrak tidak buatlah? Atau main hentam sampai siling kontrak? Pelarasan dibuat tetapi tidak ada siling?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Dia buat pelarasan macam mana?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Ya lah tetapi maknanya tidak ada *saving*lah? Maknanya dia tetap pada siling kontrak?

Encik Mohd Nasri bin Mohd Nasir: ...Setelah keadaan semasa projek telah siap pada masa tersebut. Banyak kelemahan yang telah kita ketemui, kerosakan-kerosakan, dan daripada segi kemasannya juga. Kita juga buat susulan dan dapati keadaannya masih lagi seperti ini. Ada yang telah dibaiki dan ada yang masih juga berkeadaan seperti gambar tersebut. Ini yang telah dibaiki... [*Merujuk kepada slaid pembentangan*]

Tuan William Leong Jee Keen: Bila markah teknikal satu, maka macam inilah.

Tuan Pengerusi: *In many case, it looked like incomplete building* dalam *mechanical section*nya. Ini dia belum masuk alat lagi. Mana tahu alat M&E itu cukup atau tidak cukup untuk alat yang baru. Alat yang akan dimasukkan nanti. Setakat ini sebagai ofis tidak apalah dia punya bekalan elektrik tidak tinggi. Nanti sebagai studio dia lain. *Genset* ada?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Ada.

Tuan Pengerusi: *Genset* ada. Tidak *test* apa? Main *deliver equipment* sahaja?

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Belum *test*. Alat semua tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tak buat *load test* lagi. Ya lah. Kalau Projek Media City ini tidak buat keputusan tiga empat tahun, lima tahun, bangunan jadi usanglah. Akan tetapi itulah. Soalannya kenapa buat bangunan atas tajuk fungsi sebagai pusat berita tetapi bajet hanya cukup untuk buat bangunan sahaja. Alat tidak ada. Okey, ada soalan lain?

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, peruntukan projek ini di bawah Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd..

Tuan Pengerusi: Itu soalan saya tadi. PFI ini sebenarnya buat apa?

Seorang Ahli: Apa pun boleh.

Tuan Pengerusi: Apa pun boleh...

[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*] [*Mikrofon dimatikan*]

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain?... Tidak ada? Okey, panggil.

[Saksi-saksi mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

■1200

Tuan Pengerusi: Selamat pagi saya ucapkan kepada Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Yang Berbahagia Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim, Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM); dan Saudara Abd. Shukor Ibrahim, Pengarah Seksyen Pengurusan Projek, IPJKR.

Pada pagi ini sebenarnya tujuan PAC memanggil Dato' serta pegawai-pegawai terlibat adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengenai pembinaan Projek Pusat Berita Bersepadu yang terletak dalam kawasan Angkasapuri.

Saya tak tahu, Dato' sudah biasa datang *PAC hearing* kah belum?

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad [Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia]: *This is my first time.*

Tuan Pengerusi: *This is your first time, okay. Two rules* sahaja. Dato' ini sudah tahu sudah. Pengarah RTM sudah tahu. Kalau hendak jawab, kita akan rekodkan dalam verbatim di dalam *Hansard*. Kalau hendak apa-apa maklumat yang hendak dizahirkan, yang hendak direkodkan dalam *Hansard*, buka *mic*. Kalau tak nak, tutup *mic* dan cakap biasa sahaja, jadi perkara ini tidak direkodkan di dalam *Hansard*. Kadang-kadang ada dia punya masa yang macam semalamlah, KSU Kementerian Wanita, pilih untuk tak jawab dalam *mic* oleh sebab hal-hal sensitif.

Jadi Dato', pada hari ini isu yang ditimbulkan ini mengenai pembinaan Projek Pusat Berita Bersepadu yang sepatutnya sudah beroperasi, yang sepatutnya sudah meletakkan semua anggota penyiaran yang terlibat dengan pengeluaran berita dan sebagainya dalam satu bangunan untuk mereka bekerja dengan lebih efisien, tetapi saya sendiri sudah melawat bangunan ini sebelum ini kerana saya dijemput untuk *interview* radio saya rasa setahun lepas, dan saya sendiri sudah tengok memang banyak kelemahannya.

Kelemahan yang paling ketara adalah tidak ada peralatan penyiaran di dalam itu. Bangunannya sekarang sudah jadi macam ofis sahaja. Itu ofis pun saya tengok peralatan perkakas pejabat dia pun perkakas yang dulu, yang tidak moden untuk keperluan anggota penyiaran. Akhirnya projek ini projek untuk buat bangunan sahaja dan tidak menepati tajuknya iaitu untuk buat Pusat Berita Bersepadu.

Jadi soalan pokoknya yang timbul sekarang ini ialah kenapa projek ini dibuat untuk buat bangunan sahaja tetapi ia tidak berfungsi sebagai Pusat Berita Bersepadu? Kita dimaklumkan tadi oleh Jabatan Audit bahawa permohonan kementerian telah ditolak untuk dapatkan peruntukan untuk peralatan bagi mengisi pusat ini dan hendak menunggu projek penswastan Media City. Jadi itu pun menimbulkan satu kebimbangan juga bagi PAC sama ada pusat berita ini akan akhirnya jadi usang sahajalah kerana tak tahu bila penswastan Projek Media City ini akan dilaksanakan dan bilakah pusat berita ini akan digunakan. Kenapakah kerajaan hendak buat bangunan untuk projek yang akan diswastakan? Itu pun satu lagi isu lain. Tergesa-gesa hendak buat.

Projek ini pun ada isu-isu tadi mengenai kenapa sudah mulakan projek ini sebelum DO diperolehi dan selepas itu boleh bagi LAD pula. Maknanya sudah tahu – ini kepada JKR lah. Sudah tahu projek ini dimulakan tanpa DO tapi selepas itu boleh pula bagi LAD kepada kontraktor kerana lambat. [Disampuk] EOT, ya EOT. LAD yang tak cukup. EOT atau *extension of time* pada projek walaupun projek ini bermula tanpa DO dikeluarkan.

Tadi kami ada berbahas sikit, AG kata projek ini memuaskan tapi ada masalah. Kita di Jawatankuasa kata macam mana projek boleh memuaskan tapi ada masalah. Jadi sekarang ini kita minta Dato' kalau boleh perelaskan kepada kita apakah makna projek yang memuaskan tapi ada masalah. Jadi tanpa melengahkan masa lagi, saya minta Dato' untuk berikan taklimat kepada kita mencari penjelasan kementerian. Jadi saya ucapkan terima kasih.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam 1KKMM. Yang saya amat hormati Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hadir, Timbalan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa, pegawai-pegawai kerajaan, pegawai audit yang saya sangat hormati dan juga *colleague* saya daripada JPA, *may be* Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Audit Negara dan semua sekali yang hadir pada pagi ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak mengucapkan berbilang terima kasih. Ini kali pertama saya menghadiri PAC dan saya merasakan ini satu pengalaman yang amat berguna kepada diri saya. Sebelum pada ini, untuk makluman Yang Berhormat, saya sebenarnya Pengerusi kepada Jawatankuasa Laporan Siasatan yang mana kamilah orangnya saya *came from JPA, Sir*. So selama ini sayalah orangnya yang *screwed them*, okey. Sayalah orang yang sentiasa menyatakan kepada mereka *how important integrity is- all right but now I am here, Sir*. So saya rasa...

Tuan Pengerusi: *You not going to be...? [Ketawa]*

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad: Saya boleh nyatakan di sini bahawa kami tidak teragak-agak, Tuan Pengerusi, untuk ambil apa-apa tindakan yang sewajarnya sekiranya apa-apa yang telah dilaksanakan sebelum pada ini atau pun mungkin pada masa saya menerajui kementerian ini. Maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

All right, kita tidak nak membuang masa. Yang Berhormat telah memaklumkan tadi berkaitan dengan beberapa permasalahan yang kami hadapi. Jadi mungkin saya serahkan dulu kepada Saudara Abd. Shukor Ibrahim untuk menerangkan kenapa isu-isu yang telah dibangkitkan itu yang di bawah bidang kuasa JKR dan seterusnya kepada Ketua Pengarah RTM yang akan menerangkan apakah masalah yang dihadapi. Dipersilakan.

Sr. Abd. Shukor Ibrahim [Pengarah Seksyen Pengurusan Projek (Ibu Pejabat), Jabatan Kerja Raya]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Saya daripada Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan adalah merupakan urus setia bagi tender-tender Lembaga Perolehan JKR. Saya bercakap bagi pihak Urus Setia JKR ya, Urus Setia Lembaga Perolehan JKR.

Isu yang ditimbulkan oleh pihak Audit yang ingin saya bantah di sini adalah daripada segi pelantikan kontraktor. So ada isu pelantikan kontraktor di mana timbul kata kontraktor yang dilantik itu tidak layak dari segi teknikal. So saya ingin menjelaskan di sini macam mana perkara ini berlaku.

Mengikut peraturan *plan* tender JKR pada ketika itu tahun 2008, bagi membolehkan kontraktor layak diperakukan di peringkat kedua, kontraktor hendaklah layak daripada segi tiga buah komponen iaitu keupayaan kewangan ataupun keupayaan belanjawan dia, *then* kita akan tengok dia punya keupayaan teknikal dan keupayaan keseluruhan.

Untuk keupayaan kewangan, kita ada sistem markah yang telah ditetapkan dalam *plan* kita. Daripada segi kewangan, apa yang kita tengok ialah modal kontraktor, apa modal yang ada, sumber kewangan yang ada. Kita akan buat pengiraan berdasarkan nilai tahunan kerja yang akan di tender, yang sudah tarikh masuk tender. So berdasarkan nilai tender berkenaan dan kita *compare* dengan harga modal yang ada, kita akan tunjukkan markah yang kita dapat dan kita letakkan markah minimum bagi keupayaan kewangan. Keupayaan kewangan kita tetapkan markah minimum 20 markah dan maksimum 50 markah.

Bagi penilaian teknikal, kita ada tiga buah komponen. Pertamanya ialah penilaian pengalaman kerja. So berdasarkan pengalaman kerja *for last* lima tahun, kita akan dapatkan dia punya beberapa nilai kerja yang dia telah buat, beberapa nilai yang tertinggi dan berapakah nilai yang dia pernah buat dalam tempoh lima tahun? Kita akan bandingkan dengan harga anggaran kita. So kita dapat markah bagi pengalaman.

■1210

Keduanya, komponen kakitangan teknikal. So, kita tengok kakitangan teknikal yang mereka ada berbanding kakitangan teknikal yang sepatutnya bagi nilai tender kerja berkenaan. Kita ada ia punya angka rujuk nilai minimum bilangan kakitangan teknikal bagi sesuatu projek itu. So, kita bandingkan dengan bilangan kakitangan teknikal yang ada dengan bilangan kakitangan teknikal minimum yang kontraktor perlu ada. So, kita bagi markah bagi penilaian kakitangan teknikal berkenaan.

Ketiganya daripada segi loji. Loji ini mesin-mesin yang ada. Kita juga ada minimum bagi satu projek, berapakah bilangan peralatan yang kontraktor ada? Dan kita bandingkan dengan berapa perlu ada dengan bilangan yang kita ada. So kita kira markahnya.

So *all these* markah untuk pengalaman, kakitangan teknikal dan loji, kita campurkan dan kita tentukan berapa minimum *mark* untuk yang *potential* lulus, bagi penilaian teknikal.

Ketiganya keupayaan keseluruhan. Keseluruhannya kita akan campurkan penilaian kewangan dengan penilaian teknikal, berapakah markah boleh dapat? Dan dibandingkan nilai minimum yang telah ditetapkan. So, ada tiga komponen yang perlu dinilai. Sepatutnya berdasarkan garis panduan kita, ketiga-tiga komponen ini kena lulus, kena mencapai markah minimum yang telah ditetapkan.

Untuk kes ini, bagi *particular project* yang terlibat, penender kita- masa buka tender ada 21 orang penender yang mengambil bahagian. Penender ini kita ada- untuk menentukan kemunasabahan harga, kita ada satu sistem di mana dinamakan *cut-off system*.

So, kita adakan *cut-off system* berdasarkan formula yang ditetapkan. So, ditentukan sama ada kontraktor – dari segi harga. *Those yang below cut-off* kita akan tolak ke tepi, dia tidak layak. Dan *those* di atas *cut-off* kita akan pertimbangkan. Kebetulan penender yang dapat ini ialah berada di atas *cut-off* dan walau bagaimanapun, daripada segi penilaiannya kita dapati dia lulus kewangan tetapi dia gagal daripada segi teknikal *but* keseluruhannya dia lulus.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Akan tetapi, maaf. Dalam kertas yang kita ada ini, kedudukan keputusan ia tidak layak, bukan kah?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Ya, betul. *Okay, I'll story* Yang Berhormat. Memanglah daripada segi perakuan jabatan, memang kita tidak perakukan sebab ia tidak lulus teknikal. Itu daripada segi perakuan jabatan memang kita *follow*. *Sadly*, garis panduan kita tidak perakukan. Walau bagaimanapun, setelah tender ini dibawa kepada Jawatankuasa Lembaga Perolehan pada 13 November 2008, lembaga memutuskan walaupun kontraktor gagal daripada segi teknikal tetapi...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan, saya tanya boleh? Bukankah ia selalunya dalam sistem penilaian ini, kita tidak tengok siapa nama *company* dulu...

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Yes.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kita cuma tengok segi teknikal dulu. So, apabila teknikal sudah *disqualified*, kita letak tepi sudah. So, tinggalah 'A', 'B', 'C', 'D', 'E', 'F', 'G' ini yang *qualified*. Barulah kita tengok harganya. Jadi macam mana kalau kata awal teknikal itu sudah *disqualified*, kita masih lagi letakkan dia dalam kalangan itu?... Macam mana sistem itu?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Ya, Yang Berhormat. Ini penilaian untuk kerja, untuk kerja yang dibuat secara konvensional. So, untuk tender kerja yang dibuat secara konvensional, masa kita buat penilaian, kita buat bersekali antara penilaian harga, penilaian kewangan dan penilaian teknikal, bersekali. So, kita tidak buat macam tender untuk bekalan. Untuk bekalan kita buat asing daripada teknikal dan kewangan lain. Untuk tender kerja, kita buat bersekali. Itu sebab kita teknikal dimasukkan dalam penilaian kita.

Tuan William Leong Jee Keen: Saya mahu minta penjelasan.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Ya.

Tuan William Leong Jee Keen: Kalau sudah adakan keputusan tidak layak, bagaimanakah namanya boleh dibawa kepada lembaga? Ini kerana sudah tidak layak.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Untuk maklumat Yang Berhormat, semasa kita bentangkan tender di lembaga, kita bentang kedudukan semua penender daripada yang terendah hingga yang diperakukan. So, kedudukan yang kita bentangkan kepada- so, dalam masa bagi *this particular* tender Yang Berhormat, kita memang urus setia tender bentangkan bahawa penender ini tidak layak.

Tuan William Leong Jee Keen: Pada saya, sia-siakan masa lah. Kalau yang tidak layak dilayan, yang layak tidak dilayan, mengapakah hendak buat satu proses?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Itu pula kalaulah semua tidak layak, lainlah. Di antara tidak layak itu pilih yang terbaik. Akan tetapi ada yang layak tiga, tetapi...

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Saya tak pasti apakah yang dibincangkan di dalam lembaga perolehan? So, saya cuma bentang yang ada di dalam minit. So, kenapa lembaga perolehan membuat keputusan adalah sebab dari segi *overall* dia layak.

Tuan William Leong Jee Keen: Okey, saya hendak minta penjelasan. Siapakah yang memberi arahan untuk mereka yang tidak layak dibawa ke mesyuarat?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Dari segi peraturan kita, semua kita bawa.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Daripada segi peraturan.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Dari segi peraturan memang semua kontraktor yang masuk tender kita bawa dalam- dibentangkan dalam lembaga.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Apa laporan daripada- apabila urus setia angkat semua syarikat ini untuk keputusan lembaga perolehan ini, mestilah urus setia ada cadangan-cadangannya. So, apakah cadangan-cadangan yang urus setia bawa kepada lembaga perolehan ini untuk ditentukan? Mesti ada cadangan satu, dua, tiga mengikut kesesuaiannya. So, daripada sini apakah cadangan urus setianya?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Cadangan urus setia berdasarkan perakuan jabatan yang kita terima. So, kita *listkan* kedudukan penender daripada terendah sehingga yang diperakukan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Siapa yang perakukan oleh...

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Untuk tender ini, yang diperakukan ialah tender nombor sembilan.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan, satu lagi. Siapakah anggota-anggota dalam lembaga pemilihan itu? Ahli-ahli dalam pengurusan itu.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Saya difahamkan ada *chairman* ialah Dato' Sri Mohd Noor. Ahli daripada *Treasury* ialah Encik Hasmuddin, belum Dato' pada ketika itu, dan wakil dari Kementerian Kerja Raya iaitu Khairul Anuar bin Mahmud.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Maksudnya urus setia memang *recommend*?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Tidak memperakukan yang tidak dimiliki...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tidak memperakukan. So, siapa yang urus setia yang memperakukan?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Nombor 9. Yang diperakukan ialah nombor 9, iaitu RL&L Contract Management Services Sdn. Bhd..

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kita hendak minta atau kita hendak dapatkan ulasan daripada urus setia pada Lembaga Perolehan dan kita hendak cabutan daripada lembaga perolehan, kenapa syarikat yang tidak layak tadi itu akhirnya dapat. Mesti dia ada ulasan-ulasan dia, kenapa dia dikatakan layak. Boleh kita dapatkan *copy of those reports* itu?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Maaf Yang Berhormat, yang *report* tidak ada tetapi kita ada minit mesyuarat.

Datuk Wee Jeck Seng: Tuan, satu lagi. Proses pemilihan itu macam mana ya? Proses pemilihan, bagaimanakah layak tidak layak selepas itu dia boleh dipilih? Proses pemilihan itu.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Proses pemilihan itu- okey, kalau saya bentang mungkin *take*-daripada segi hendak ringkaskan atau...

Datuk Wee Jeck Seng: Ringkaskan.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Kita ada beberapa peringkat. Peringkat pertamanya daripada segi harga tawaran itu. Kita semak sama ada harga munasabah atau tidak. Itu berdasarkan kita punya *system cut-off*. Keduanya kita ada penilaian peringkat pertama. Daripada peringkat pertama ini kita akan semak sama ada daripada segi perundangan kontraktor telah isi borang tender dengan betul, ada harga yang dinyatakan, ada tempoh yang dinyatakan, kita kena tentukan modal minimumnya berapa. So, selepas kita semak peringkat pertama ini, *those* yang lulus peringkat pertama dibawa ke peringkat kedua.

So, di bawah peringkat kedua inilah, itu yang kita semak dari segi keupayaan kewangan, keupayaan teknikal dan keupayaan keseluruhan. So, *that's the process* yang kita buat untuk *plan tender* JKR.

So, untuk kes ini...

■1220

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya rasa mesti ada laporan daripada urus setia. Jangan minit sahaja. Saya hendak laporan daripada urus setia yang diangkatkan kepada Jawatankuasa Perolehan. Saya percaya dalam fail mesti ada. Dalam fail mesti ada. Saya hendak laporan itu di mana urus setia angkat kepada Perolehan. Ada ya?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Kita ada tapi kita gunakan sebagai lampiran. Dalam lampiran itu dinyatakan kedudukan satu persatu tenderlah daripada bentuk draf hingga kepada yang diperakukan atau lebih kepada yang diperakukan. Kita ada dia punya *table*. Kita bagi *table*, kita tidak bagi laporan, kita bagi *table*. Okey, tender ini yang terendah sebab apa dia tidak diperakukan, tender kedua berapa harga dia, sebab apa kita tidak perakukan. Kita ada dia punya *table*.

Tuan Pengerusi: Saya tengok ini, syarikat ini dalam borang SSM ini, walaupun tahun 2013, dia tidak kuatlah nampak kedudukan dia. Masa projek ini diluluskan, syarikat ini kuat tidak kedudukan kewangan dia?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Daripada segi kewangan itu, berdasarkan penilaian kita memang bagus, Tuan Pengerusi. Dia dapat maksimum daripada segi....

Tuan Pengerusi: Apa tak maksimumnya. Adakah *paid up capital* RM1 juta sahaja digunakan sebagai ukuran...

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: *Paid up capital* tidak banyak, tetapi dia ada akan dapat kemudahan kewangan, kredit dari bank sebanyak RM9 juta.

Tuan Pengerusi: Ya lah, maknanya dapat projek dulu, baru minta duit dengan bank. Itu bukan kedudukan kewangan yang kuat.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Penilaian kita berdasarkan *that*...

Tuan Pengerusi: Mungkin itu menjadi dorongan untuk hendak kejar sangat projek ini. Mungkin ada dorongan untuk hendak bermuafakat dengan pegawai JKR untuk dapatkan projek ini.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Cuma kita hendak persetujuan kita ini, urus setia mencadangkan kepada Jawatankuasa Perolehan syarikat lain tetapi Jawatankuasa Perolehan membuat keputusan untuk menawarkan kepada syarikat lain. Itu yang betul?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang di luar kelayakan...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Yang tidak masuk dalam cadangan daripada urus setia lah. Itu betul ya? Okey.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Kami ada juga seorang dua orang pegawai yang sudah lama dekat ini, *maybe* boleh kalau saya mohon izin Yang Berhormat, SUB Kewangan saya....

Tuan Pengerusi: Dato' Bala kah?

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Bala tidak hari ini. Saya tidak bagi dia bercakap. Dia diam-diam [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi: Habis sebelum ini Dato' Bala jawab saja.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Kalau dia bercakap, banyak lagi cerita, Yang Berhormat. Ini bagi Dr. Ong.

Dr. Ong Gua Pak [Setiausaha Bahagian (Kewangan) Kementerian Komunikasi dan Multimedia]: Okey, Yang Berhormat Pengerusi. Dalam aspek tadi yang mengatakan bahawa kontraktor telah dapat projek dan menunjukkan kredit dia dah dapat, itu kurang tepat. Sebelum mereka mendapat projek, penilaian dibuat oleh JKR mereka telah menunjukkan bahawa *credit facility* mereka sudah ada. Masa itu mereka tidak tahu lagi mereka akan dapat projek ataupun tidaklah masa itu.

So, dalam aspek Lembaga Tender membuat perolehan berbeza dengan perakuan urus setia dan Jawatankuasa Penilaian. Saya rasa di sini mereka mempunyai budi bicara untuk melihat sebab projek ini projek PFI di mana *financial aspect* itu adalah lebih penting. Memang mereka mempunyai budi bicara dan mereka boleh membuat keputusan yang berbeza daripada urus setia.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan tetapi Dr., saya cuma hendak tanya Dr., dia *financial engineering* mudah. Teknikal yang paling penting, betul tidak? Bagaimanakah kita boleh melihat yang *the weight on financial engineering* ini melebihi *the weight of* kegagalan teknikal? Di manakah logiknya itu?

Dr. Ong Gua Pak: Logiknya macam ini. Dalam projek konvensional, *maybe financial* kita tidak memberi perhatian yang lebih. Akan tetapi dalam projek PFI, memang perhatian *financial* adalah lebih tinggi.

Kedua, aspek teknikal yang dimaksudkan oleh JKR dalam penilaian seperti melihat bilangan keperalatan, lori dan sebagainya. Jadi sebenarnya dalam kaedah kontraktor sebenar yang terbaru, kaedah yang baru, mereka sebenarnya sudah tidak menggunakan peralatan ataupun menyimpan, memiliki peralatan ataupun kakitangan yang besar. Mereka apabila dapat projek, barulah mereka sewa peralatan ataupun kontrak kepada pegawai-pegawai tertentu.

Tuan Pengerusi: Dr., saya hendak simpulkan sahaja. Ini kontrak *pass through* kah? [*Ketawa*] Projek ini adakah dilaksanakan oleh syarikat ini atau subkontraktor?

Dr. Ong Gua Pak: Yang itu saya tidak pasti.

Tuan Pengerusi: Pasal apa, projek ini kalau kita tengok *list* yang Audit bawa, ada *nominated* subkontraktor. Maknanya *company* ini hanya *pass through* kah?

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Dan kalau Dr. Sebut tadi bahawa sekarang ini begitu begini lah kaedah dia, sistem layak tidak layak ini, *you* orang punya sistem. *We are asking you based on your own system. And your system says* tidak layak. *Now you are saying*, sekarang ini begitu, begini, okeylah, *you* tukar lah sistem itu.

Dr. Ong Gua Pak: Yang Berhormat, betul. *That's why* saya kata Lembaga Tender mempunyai budi bicara.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya tahu. Saya cuma hendak tanya adakah urus setia *mislead* Lembaga Tender? Sebab Dr. Ong cakap tadi, kata konon-kononnya walaupun gagal daripada segi teknikal kerana lori dia tidak ada, itu tidak ada, macam teknikal itu kecil pula. *Sorry*, saya bimbang- kita Lembaga Perolehan ini dia bukan semua tahu. Dia bergantung kepada urus setia yang siang malam 24 jam lihat segala-gala *detail* nya, dan diangkat kepada kelulusan. Jadi dia akan mengambil kelulusan itu bergantung kepada laporan daripada urus setia. So kalau Dr. Ong sendiri saya rasa sebahagian daripada urus setia, boleh *justify* kepada kami hari ini bahawa daripada segi kewangan itu lebih penting daripada segi teknikal, *are you doing the same thing* bila *you* bentang pada Lembaga Perolehan yang akhirnya Lembaga Perolehan itu terpengaruh dengan hujah-hujah sebegini?

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Dr., nak *add* kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Adakah menjadi amalan biasa, maksudnya bila urus setia bagi cadangan pada Lembaga Perolehan, *withdue respect*, maksudnya abaikan tentang PFI dan sebagainya? Adakah ia merupakan amalan biasa perkara sebegini selalu berlaku? Maksudnya cadangan di *overrule* oleh pihak Lembaga Perolehan. Terima kasih.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Saya minta Puan Sariah, dia Urus Setia Tender, saya minta dia jawab.

Sr. Sariah binti Abu Hassan [Ketua Penolong Pengarah Kanan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (Ibu Pejabat), Jabatan Kerja Raya]: Okey, saya....

Tuan Pengerusi: Daripada JKR atau daripada kementerian?

Sr. Sariah binti Abu Hassan: Saya daripada JKR. Saya daripada Urus Setia Tender JKR. Jadi saya hendak bantangkan apakah fungsi sekretariat. Sekretariat, *first* dia dapat pengesyoran daripada jabatan. Laporanlah. *From that* laporan, kita buat *summary* semua, kita semak sama ada dia ikut peraturan *or not*, *on the* garis panduan yang sedia ada. So, urus setia *got no say to tempered with the report* yang jabatan buat. So, kita hanya membentangkan. Yang layak tidak layak itu, itu jabatan yang buat.

Tuan Pengerusi: So, *you* jadi *compiler* sahaja lah. *You* tak ada input. Posmen lah?

Sr. Sariah binti Abu Hassan: *Not really*, because Tender Board akan tanya, *what is the* garis panduan yang sekarang ada. Dia akan tanya.

So, kita akan bantangkan apa garis panduan yang ada, apa yang Kementerian Kewangan punya *guidelines*, semua kita *advise* lah kalau ditanya *on the* itu. Contoh macam peratus perbezaan...

Tuan Pengerusi: Ya lah, dalam hal ini, bila saya sudah dengar ini semua, saya rasa macam syarikat ini sebenarnya syarikat *pass through* sahaja lah. Dia terus kepada subkontraktor. Jadi bila nampak persepsi begitu, lepas itu- sudahlah dia *failed* teknikal, dan teknikal yang dia *failed* itu *very important* pasal itu berkenaan dengan kemampuan dia sebagai kontraktor. Jadi kalau syarat pada ketika itu kata mesti ada barang-barang ini, lori lah, apa semua dan sebagainya, *you* boleh *overrule* untuk syarikat ini dengan ada alternatif syarikat-syarikat lain yang mempunyai peralatan-peralatan dan kelengkapan yang *you* sendiri letakkan sebagai syarat, so kalau dalam kes ini, pengurusan kontrak ini, untuk saya, bukan sahaja gagal, kena minta SPRM masuk ini. Ada bau sedikitlah, ada bau.

Jadi saya tidak hendak memanjangkan hal ini. Ada Ahli Jawatankuasa lagi hendak bagi pandangan? Akan tetapi, untuk saya, itu kesimpulan yang saya boleh buatlah daripada mendengar jawapan-jawapan dan juga soalan-soalan daripada ahli-ahli tadi. Ya, itu kesimpulan yang pertamalah. Okey, teruskan.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Yang Berhormat, *we go through one by one* lah, rasanya ya. *So, we go back to number one.* Sebenarnya kami ada buat daripada segi ini. So daripada segi kelulusan kebenaran merancang, itu pun ada menjadi masalah. Jadi saya minta juga pihak JKR untuk apa ini...

■1230

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, kenapa projek ini tidak ikut tajuk dia, fungsi dia sebagai pusat berita? Akhirnya dia jadi projek pembinaan sahaja. Itu saya rasa kementerian sebagai penggunalah kena jawablah hal itu. Kenapakah peralatan ini tidak disertakan sekali dalam kontrak ini supaya ia dapat berfungsi sebagai pusat berita dan bukan hanya sebagai kontrak bangunan sahaja?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: JKR biasanya kita buat kerja berdasarkan *brief* yang dikeluarkan oleh pihak *client*. So bagi projek ini, *client* kata buat bangunan, so peralatan itu difahamkan dia akan buat...

Tuan Pengerusi: Tapi *you* tidak tanya langsung? Ini kerana tajuknya fungsi sebagai pusat penyiaran. Pusat berita, *sorry*.

Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim [Ketua Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia]: Maaf, terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Persoalan yang dibangkitkan Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah tentang pembekalan dan pemasangan peralatan penyiaran tidak selaras dengan tempoh siap projek. Maklum balasnya ialah skop kerja bagi projek ini iaitu satu projek PFI adalah hanya untuk pembinaan fizikal sahaja tanpa peralatan selaras dengan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan 21 Julai 2006.

Sehubungan itu, bagi melengkapkan studio dengan peralatan yang sesuai, jabatan telah memohon peruntukan dalam tempoh RMKe-9 pada tahun 2008 dan 2009 selaras dengan tarikh siap asal projek iaitu 13 Julai 2010. Walau bagaimanapun, tidak mendapat pertimbangan EPU memandangkan projek ini belum bermula dan hanya akan siap pada tahun 2010.

Daripada segi penambahbaikan Yang Berhormat, antara usaha yang dilaksanakan oleh jabatan bagi memastikan peralatan penyiaran dibekalkan selaras dengan siapnya projek Pusat Berita Bersepadu ialah permohonan di bawah RMKe-10 bagi RP1 dengan jumlah RM126.5 juta yang tidak diluluskan oleh EPU atas adanya perancangan Projek Media City. Itu yang menyebabkan peralatan itu tidak diluluskan oleh EPU dengan adanya Projek Media City.

Permohonan sekali lagi telah dibuat di bawah RP2 jumlah RM126.5 juta sekiranya berlaku kelewatan pelaksanaan Projek Media City yang juga tidak diluluskan. Sekali lagi kita buat permohonan berjumlah RM126.5 juta di bawah RMKe-11 pada 27 Februari 2015 sebagai alternatif memperlengkapkan Pusat Berita Bersepadu sekiranya pelaksanaan Projek Media City tidak diluluskan.

Dengan ini apa yang saya cuba maklumkan Tuan Pengerusi, adalah sememangnya tujuan asal pembinaan bangunan ini adalah untuk sebagai sebuah pusat berita di mana merangkumi bahagian berita radio dengan bahagian berita televisyen. Memang di bawah projek ini peruntukan di bawah PFI, ia adalah untuk fizikal dan untuk alatnya ia di bawah Projek Media City walaupun pada asalnya kita memohon di bawah bajet pembangunan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Apa yang saya faham selalunya EPU luluskan projek dahulu, selepas itu baru dilaksanakan. Dalam kes Syarikat Pembinaan PFI ini nampaknya ada satu *loophole* jugalah di mana projek diluluskan di bawah Pembinaan PFI tetapi ia tidak lalu EPU, bukan? Macam mana boleh berlaku, wakil Kementerian Kewangan? Ini boleh jadi satu pembaziran ini kalau studio ini tidak dilengkapi dengan alat yang sepatutnya. Nanti bangunan ini sudah lama tertinggal ia sudah jadi *out of date* lah kerana studio-studio zaman sekarang ini ia sebenarnya tidak besar dan tidak perlu besar. Peralatannya mungkin sudah lain. M&E punya *requirement* sudah lain. Jadi saya rasa ini satu isu yang- wakil Kementerian Kewangan, Syarikat Pembinaan PFI masih lagi beroperasi dan buat kelulusan projek macam inikah tanpa kelulusan EPU?

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Jadi kalau ada duit buat macam ini jugalah? Lulus projek tanpa melalui EPU lah? *[Ketawa]* Sekarang tidak ada duitlah? Akan tetapi hari itu kata sudah luluskan lagi.

Encik Rosli bin Yaakub: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya faham Tan Sri KSP kata dahulu, projek-projek PFI ini ia melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh kah atau berapakah, pergi ke EPU. Cuma ia masuk dalam RM10. So kerajaan tidak ada duit waktu itu tetapi masuk sebagai program-program yang *priority*. Jadi tidak timbul kalau EPU tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Bermula pada soalan asal saya tadi, kenapa buat bangunan sahaja dan tidak ikut tajuknya, "Pembinaan Pusat Berita". Maksudnya ia tidak memenuhi fungsinya. Projek ini gagal.

Untuk sayalah, kalau tajuknya adalah "Pembinaan Pusat Berita" dan ia tidak berfungsi, hanya siap bangunan sahaja, maknanya projek ini gagal. Sekarang ini nampak ada kejanggalan pula yang EPU macam tidak tahu dan EPU pula tidak hendak luluskan peruntukan untuk hendak jadikan bangunan ini sebagai bangunan yang berfungsi sebagai pusat berita. Bukankah pelik itu?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Boleh saya tambah, Tuan Pengerusi? Saya rasa logiknya, studio itu lebih penting daripada bangunan.

Tuan Pengerusi: Yalah.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Betul tidak? Ceritanya hendak buat studio itu, bukannya buat bangunan. Akan tetapi akhirnya bangunan, studio tidak ada.

Tuan Pengerusi: Sudah jadi kontrak pembinaan bangunan, selepas itu ada keraguan pula dari segi perolehan. Ini gagal ini Jabatan Audit. Ini salah ini *you* punya takrifan *you* kata memuaskan tetapi ada masalah. Ini gagal ini.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So memuaskan ini 50 markah sahaja.

Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ikut markah buat bangunan tetapi daripada segi tajuknya fungsi sebagai bilik berita, gagal.

Datuk Haji Anwari bin Suri: So kita hendak cari 50 markah lagilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, taklimat sudah habis?

Tuan Pengerusi: Belum lagi, baru hendak *start* [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Baru nak *start*? Itu lah. Hendak sampai jam 1 petang dah, kerana Tuan Pengerusi ini ayahandanya jadi Menteri.

Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim: Mohon izin, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi latar belakang Tuan Pengerusi ini dia benar-benar hendak menjadikan bangunan ini boleh berfungsi dengan baik tetapi kita tidak ada masa.

Tuan Pengerusi: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Teruskan ya kalau macam itu Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen: Saya hendak satu penjelasan lagi ya. Saya tengok tender untuk RM62 juta lebih dan perbelanjaan-perbelanjaan ialah RM86 juta. So berapakah kontrak untuk projek ini? RM62 juta atau RM80 juta atau RM90 juta?

Tuan Pengerusi: Jumlah sebenar sama ada RM62 juta atau RM80 juta lebih?

Dato' Ir. Azizah binti Osman [Pengarah Bahagian Pengurusan Projek 1 (Ibu Pejabat), Jabatan Kerja Raya]: Akaun muktamad Yang Berhormat- RM73,444,283.90.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Ulang sekali lagi. RM73 juta?

Dato' Ir. Azizah binti Osman: *That is the final figure*lah. *Initially the contract cost is RM62,694,311.40. Pada final contract ini ada tambahanlah di situ sebanyak RM73,444,283.90. That was the final figure for the building contract.*

■1240

Ir. Cheong Pui Keng [Pengarah JKR Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur]: Tuan Pengerusi, boleh saya tambah sedikit? Angka RM86 juta itu termasuk kos perunding sebab ada perunding dilantik. Angka RM73 itu kos pembinaan sahaja.

Tuan Pengerusi: Jadi perunding bayarannya sebanyak RM10 juta?

Ir. Cheong Pui Keng: Lebih kurang RM8.6 juta.

Tuan Pengerusi: *On a basic building, ten percent?*

Ir. Cheong Pui Keng: Ikut angka yang saya ada...

Tuan Pengerusi: *No, no, no. On the basic building, it should be not more than 5% sahaja.*

Ir. Cheong Pui Keng: *Because...*

Dato' Ir. Azizah binti Osman: Peruntukan yang diluluskan adalah...

Ir. Cheong Pui Keng: *Can I have the panel perunding yang dilantik?*

Tuan Pengerusi: Buat bangunan tahu. Tak ada kena mengena dengan hendak beli peralatan. Peralatan input konsultan yang...

Dato' Ir. Azizah binti Osman: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *Is it a standard cost yang JKR pakai? Standard cost sampai- kalau RM8 million over RM72 million, that's more than 10%. Eh, JKR ada kuasa membeli. Banyak projek kerajaan. Berpuluh bilion projek kerajaan. Takkan konsultan boleh dapat rate yang tinggi macam ini. Kalau komersial pun tidak dapat.*

Sr. Abd. Shukor Ibrahim: Tuan Pengerusi, bayaran berdasarkan *scale of fees* yang diluluskan oleh Perbendaharaan dengan lembaga masing-masing.

Tuan Pengerusi: Apakah pandangan Perbendaharaan? RM8 juta daripada RM70 juta, lebih daripada *10% of the cost of the project for a simple basic building which is ridiculous*. Nasib baik Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak ada di sini. Kalau tidak sudah ini sudah *[Ketawa]*

Kalau boleh bagi kita maklumat sedikit pasal itu. *Rate* yang *you* pakai apa semua. Maklumat terperinci sedikit pasal *cost of the consultant* apa semua ini. Untuk saya, itu *very high rate for a simple building. More than 10%*.

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi, *I think scale of fees* ini, *still* dia follow *Treasury* punya arahan. Cumanya Tuan Pengerusi, saya tidak pasti tahun bila, selepas itu kita mulai tender, semua konsultan kita melalui tender.

Tuan Pengerusi: Dia kasi PMO lah ini. Dia kasi cara PMO dululah. PMC, *sorry* PMC. PMC dulu banyak dia punya *rate* dia?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, untuk makluman, tender selepas tahun 2012, kita melaksanakan tender. Cumanya, tender itu yang kita tender *actually cost reversible*, kos timbal balik, tetapi *feenya* masih berdasarkan *scale of fees* yang diluluskan oleh pihak Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi: *Fee* tidak berubahlah?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Daripada segi nilai, tidak banyak berubah.

Tuan Pengerusi: *So you kata fee itu reasonable or not?*

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Memang *reasonable*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *Reasonable* ikut market *ratekah* atau ikut...

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Ikut *fee* yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan dengan lembaga masing-masing.

Tuan Pengerusi: Lembaga Arkitek?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Lembaga Arkitek, Lembaga Jurutera semua.

Tuan Pengerusi: Lembaga Jurutera semua. Okeylah. Tidak boleh *squeeze* lagikah? Kerajaan punya projek setiap tahun berpuluh bilion. Boleh *squeeze* mereka sedikit. Kenapakah pakai *standard rate* mereka? Tidak apalah, itu isu hal lainlah.

Jadi Dato', kalau boleh sambung, Dato'. Nanti takut Yang Berhormat Kepong lapar.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: *You go back to number one* tadi.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Okey, isu nombor satu, isu kelulusan kebenaran merancang. Sepatutnya setiap projek sebelum ia dibuat di tapak, perlu ada kelulusan merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan. So, bagi projek ini, sepatutnya diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya. *So, it is rather an unfortunate* kita bagi projek ini DO lambat diterima daripada pihak Dewan Bandaraya iaitu lebih kurang enam bulan terkebelakang. So, bila lewat dapat DO, so projek pun *start* lambatlah enam bulan. *That's why* kita bagi EOT kepada perunding supaya...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Apakah ada pada tahun 2010 itu yang menjadikan *fast track* dan mesti siap pada tahun 2010 itu? Ada *event* apa-apakah?

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Projek ini *actually is PFI*, so peruntukan perlu dibelanjakan sehingga hujung tahun 2010.

Tuan Pengerusi: Jadi projek ini suruh siap cepatlah. Langgar peraturan tidak apa asalkan cepat... *[Ketawa]* Itu satu pandangan PAC juga. Projek kerajaan dilaksanakan dengan cepat kerana suruh cepat habiskan peruntukan walaupun langgar syarat, langgar peraturan.

Sr. Abd. Shukor bin Ibrahim: Isu CPC. Bagi projek ini, berdasarkan peraturan kontrak, kita ada *partial* tempoh siap bahagian. So kita ada bagi dua *partial completion* bagi projek ini. Satu aras bawah dan satu aras atas. So dari keseluruhannya, isu yang ditimbulkan adalah dari segi kutipan LAD bagi tempoh selepas COC, *partial* COC yang pertama. Benda ini memang telah diambil kira dalam kita punya bayaran. Memang LAD itu telah dikutip daripada pihak kontraktor.

Tuan Pengerusi: Tadi Audit timbulkan beza antara CPC dengan CPO. Kenapakah *you* boleh bagi kelulusan yang lebih lengkap tapi projek itu tidak siap lagi? *You* bagi CPC. Sepatutnya kalau projek tidak lengkap, *you* keluarkan CPO untuk menduduki sebahagian dari bangunan itu. *You* tidak boleh bagi CPC kerana anggapannya kalau *you* bagi CPC, *the project is complete and final, that means all account has been settled, all approval* sudah bagi. So kenapa?

Ir. Cheong Pui Keng: Untuk yang ini, CPC hanya dikeluarkan bila keseluruhan kerja disiapkan. Pada masa itu, CPO dikeluarkan sebab mungkin sebahagian dari bangunan sudah siap untuk digunakan.

Tuan Pengerusi: Ia ada impak kepada LAD, ada impak kepada EOT, ada impak kepada *warranty period* dan sebagainya. *You* boleh senang-senang buat keputusan itukah?

Datuk Wee Jeck Seng: Itu kan satu projek. Macam mana dibahagi-bahagikan?

Ir. Cheong Pui Keng: Mungkin ada sebahagian bangunan boleh digunakan.

Datuk Wee Jeck Seng: Itu memang dibenarkan kah mengikut prosedur?

Ir. Cheong Pui Keng: Memang ada syarat-syarat dalam syarat kontrak yang mengizinkan perkara itu dikeluarkan.

Tuan William Leong Jee Keen: *I think when it is partially completed, you issued Certificate of Partial Completion. But now you have issued a Certificate of Practical Completion when there's only partial completion.* Benarkah?

Ir. Cheong Pui Keng: *No.*

Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub: Sebenarnya apa yang kita bangkitkan- itulah, dia keluar dua kali CPC. Maksudnya yang sepatutnya dia keluarkan CPO, dia keluarkan CPC. Dalam laporan kita, dua kali CPC dikeluarkan. So apabila kita tegur, baru diambil kira apa yang ditegur.

Ir. Cheong Pui Keng: Sebenarnya CPC pertama itu patutnya CPO lah kerana borang salah digunakan.

Tuan Pengerusi: *You* mengakulah. Kalau salah, mengaku sahaja. JKR, saya rasa Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Negara boleh dikatakan tiap-tiap tahun tidak pernah tinggal JKR. Saya hendak tengoklah kalau tiga laporan tiap-tiap tahun, nama JKR ini tidak ada. Tapi tak bolehlah, mesti ada. Boleh tak kesilapan macam ini yang *simple-simple* ini jangan sampai Audit masuk baru benda ini keluar? Laporan ini akan dibaca oleh rakyat tahu.

■1250

Ir. Cheong Pui Keng: Kami mengambil tindakan mengenai komen Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya lah, kita anggap JKR profesional tahu.

Ir. Cheong Pui Keng: Bukan hendak beri alasan. Sebenarnya ini berlaku, *I mean*, sebelum saya mula bertugas di pejabat itulah.

Tuan Pengerusi: Tahu. Selalunya begitulah. Macam Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah pun dia tidak ada kena mengena dengan hal ini walaupun dalam jawatan yang sebelum ini dia memantau perkara ini. Daripada polis jadi orang yang disiasat. Jadi dalam hal ehwal kelakuan jabatan kerajaan macam itulah tapi maksud saya, ini *is a simple basic* budak-budak punya *mistake* tahu. Ini saya kata budak-budak, saya guna perkataan budak-budak tahu, tapi implikasinya macam saya katakan tadi *financial cost is there. Your LAD calculation, your EOT calculation, your warranty period.*

Tadi Audit sudah bawa perkara ini bahawa selepas projek ini sudah di *delivered one year six month*, 18 bulan, masih ada lagi *rectification* yang perlu dibuat tetapi *warranty period* sudah *over*.

So, there is cost implication from that budak-budak punya mistake that you make. I am sorry, this will go into our recommendation. Ya, memang kita ketawa dekat sini tetapi kalau laporan ini dizahirkan kepada rakyat, rakyat baca nampak macam JKR tidak profesional. Tapi ada kos kepada mereka. Okey Dato', teruskan.

Sr. Abd. Shukor Ibrahim: Keempatnya, isu mengenai kualiti kerja rendah. Minta Ir. Cheong boleh *explain*.

Ir. Cheong Pui Keng: Kelemahan-kelemahan, *defect*, dan aduan-aduan yang disenaraikan oleh pihak Audit semua sudah dibaikilah.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi Audit ada kata ada yang tak baiki itu. Belum ambil tindakan oleh pihak kontraktor 48 bidang binaan kerja. Belum diambil tindakan oleh RTM pun ada dua [*Ketawa*]

Ir. Cheong Pui Keng: Sudah diambil tindakan.

Tuan William Leong Jee Keen: Bila CPC dikeluarkan, adakah senarai *defects*? Ini adalah *defects* yang dijumpai oleh *Auditor General*. Tetapi bila CPC dikeluarkan, adakah senarai *defects* diberikan kepada kontraktor?

Ir. Cheong Pui Keng: Bila CPC dikeluarkan, tempoh kecacatan itu bermulalah. Jadi di dalam tempoh kecacatan itu kalau ada aduan dibangkitkan oleh pengguna, kita akan memberi arahan kepada kontraktor untuk membaiki aduan-aduan itulah.

Tuan William Leong Jee Keen: Soalan saya ialah kalau aduan yang ada dan senarai diberikan kepada kontraktor, patutnya semua telah diperbaiki sebelum *Auditor General* masuk. Adakah ini dibuat?

Ir. Cheong Pui Keng: Masa *Auditor General* masuk itu masih dalam tempoh kecacatan. Pihak JKR belum mengeluarkan *Certificate of Making Good Defects*. Bila JKR mengeluarkan *Certificate of Making Good Defects* itu baru semua *defects* kena dibaiki dan kontrak itu dikira tutuplah, selesai.

Tuan William Leong Jee Keen: *So now has a Certificate of Making Good Defects been issued?*

Ir. Cheong Pui Keng: Yes.

Tuan William Leong Jee Keen: *But there are still many defeats not completed.*

Ir. Cheong Pui Keng: *These defects is masa Audit masuk.*

Cik Noraty Fatimah Ahmad: *Defects* ini adalah pada tarikh 18 Julai selepas kita buat lawatan susulan pada 18 Julai 2014.

Tuan Pengerusi: *Audit came in- this gambar ini banyak after the warranty period is over. You kata sudah dibetulkan tapi siapa who bear the cost?*

Ir. Cheong Pui Keng: *Subsequently before we close- sebelum CMGD dikeluarkan, defects-defects ini semuanya sudah ditutup.*

Cik Noraty Fatimah Ahmad: Ya, betul. Gambar yang kita terterakan di sini adalah pada 18 Julai, CMGD adalah pada 23 Julai. Maksudnya tindakan pembaikan adalah selepas kita buat lawatan susulan.

Tuan Pengerusi: *The photos* itu, kan? *The date of the photos is actually the difference of July 2014* dengan 2013. Kerja pembaikan sudah dibuat tetapi *still* nampak tidak sempurna lagi. Dalam gambar yang terkini ambil itu pada bulan Julai tahun lepas itu gambar yang lepas daripada *warranty period*. Macam mana *you* boleh isu *Certificate of Good Defects*?

Ir. Cheong Pui Keng: Bila laporan saya dikeluarkan, semua sudah disemak oleh pihak RTM juga. So, saya masih ada laporan penutupan itu. So yang dekat sini tidak pasti yang terakhir atau tidak.

Tuan Pengerusi: Betul, pihak RTM *you* pun tak boleh suka-suka sahaja main setuju sahaja, puas hati.

Ir. Cheong Pui Keng: Semua ada *closure report*. Saya masih ada rekod laporan itu.

Tuan Pengerusi: Ya, tapi pembetulan yang dibuat itu adalah pada kos siapa?

Ir. Cheong Pui Keng: Itu kontraktor yang buat.

Tuan Pengerusi: Yalah, kontraktor buat, sempurna tak sempurna?

Ir. Cheong Pui Keng: So ikut...

Tuan Pengerusi: Kalau kontraktor buat tak sempurna dan *you* kata *you are satisfied*...

Ir. Cheong Pui Keng: Kedua-dua pihak saya semak dan kita juga minta pihak RTM memberikan pandangan juga. So dua pihak ada tandatangan juga.

Tuan Pengerusi: Tahu tapi *you* orang nak tutup sahaja fail, jadi *you* setujuah memuaskan tapi sebenarnya apa yang kontraktor buat itu tidak memuaskan mengikut gambar-gambar yang diambil oleh Audit. Ada sesetengah itu memang *surface* isu, tapi *still* dia buat kerja itu nampak tak cantik. Macam pecah-pecah itu, lepas itu *toilet* itu, selepas itu *plug power point* nampak dia pasang balik tapi benda itu masih tak nampak sempurna. *It is still not up to the quality that you as the...*

Ir. Cheong Pui Keng: *Supervising team*.

Tuan Pengerusi: *...As a person in charge and also RTM as a client should not agree*. Ini belum lagi hendak pasang peralatan nanti yang perlukan kerja M&E yang lebih tinggi standard dia. Kalau *you* pasang macam ini dan *you* setujuah terima kerja kontraktor begini, untuk saya, tak memuaskanlah. *You should use the highest standard of quality assessment, not just plug* cabut, skru balik, *done*. *Alignment* lari, dia punya *plug* itu sudah rosaklah, pecahkan sana, sini kan. Okey, teruskan Dato'.

Dato' Haji Abu Bakar Ab. Rahim: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan ketiadaan penyelenggaraan berkala selepas tempoh tanggungan kecacatan, kerja-kerja penyelenggaraan sistem M&E telah dilakukan atau diuruskan secara dalaman oleh kader JKR yang terdapat di RTM dari semasa ke semasa mulai 13 Oktober 2013 iaitu DLP campur 13 bulan 14 hari. Kelewatan melantik kontraktor adalah disebabkan kerja-kerja pembaikan dari tempoh DLP sehingga semua kecacatan yang dilaporkan diselesaikan oleh JKR pada 10 Jun 2014.

■1300

Bagi tujuan *corrective action*, jabatan telah melantik kontraktor berikut bagi memastikan kerja-kerja pembaikan terancang dilaksanakan:

- (i) kontraktor penjaga lif telah dikeluarkan pada syarikat LNE Elevator Sdn. Bhd. pada 13 Ogos 2014;
- (ii) kontrak penyelenggaraan sistem penyaman udara telah dikeluarkan kepada Syarikat Ahbasha Aircond Enterprise pada 3 September 2014;
- (iii) kontrak penyelenggaraan sistem pencegah kebakaran telah dikeluarkan kepada Syarikat Sinar Unggul Enterprise pada 7 Oktober 2014; dan
- (iv) penyelenggaraan Sistem Jana kuasa Tunggu Sedia telah dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

Selenggaraan dengan beban dilakukan pada 28 Ogos 2014 dan selenggaraan tanpa beban dilakukan pada 24 September 2014 dan 27 Oktober 2014. Pada tahun ini setiap minggu keempat setiap bulan telah dilakukan selenggaraan berkaitan dengan jana kuasa tunggu sedia, Yang Berhormat.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Tuan Pengerusi, saya hendak tambah. Macam mana kita jalankan selenggaraan dengan beban sedangkan bangunan kosong? Bangunan tidak ada peralatan. Sedangkan masa kita...

Tuan Pengerusi: *Load test*.

Encik Mohd Iskandar bin Amran: Sepatutnya dengan peralatan yang lengkaplah.

Tuan Pengerusi: Maknanya *you* beli sistem M&E besar begitu untuk *the whole studio* tetapi pasal sekarang tidak ada peralatan studio dan sebagainya, *you* tidak boleh *test* ia punya *maximum load*, kuasa elektriknya.

Tuan Haji Ab. Wahid bin Ab. Hamid [Pengarah Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Penyiaran Malaysia]: Ya. Dengan izin Yang Berhormat, nama saya Abdul Wahid bin Abdul Hamid. Saya Pengarah Perkhidmatan Teknikal RTM.

Bagi ujian tanpa beban bermaksud kita *on generator*, jalan. Itu ia tidak ada beban. Akan tetapi bagi ujian dengan beban, kita *on* kan kita punya *aircond chiller*- besar. Ia sudah mencukupi untuk menampung beban. Jadi dengan beban-beban sedia ada- biasanya untuk *generator* kalau dia ada beban, dia punya peralatan ia boleh *take up that* beban bermaksud generator boleh berfungsi. Akan tetapi kalau ujian tanpa beban, kita *just on generator on*, enjin boleh jalan. Itu yang kita buat setiap minggu keempat setiap bulan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kalau ikut ini, *you* tidak boleh *do full load test* sampai barang-barang lain masuklah, sebab barang-barang studio ini pun ia punya *power consumption* tinggi pasal banyak lampu dan sebagainya, ya. Tidak apalah, benda-benda ini sudah rosak, sekarang ini *you* hendak betulkan. Okey, ada apa yang lain?

Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim: Seterusnya Tuan Pengerusi, ruang kerja Pusat Berita Bersepadu (PBB). Sehingga hari ini jumlah keseluruhan petugas Berita Ehwal Semasa di Pusat Berita Bersepadu 476 orang. Jumlah ini merupakan 68% daripada jumlah keseluruhan 699 orang. Baki 223 orang lagi masih ditempatkan di Wisma TV kerana terlibat secara terus pengoperasian dan penerbitan siaran berita di studio sedia ada di Wisma TV.

Penggunaan ruang di PBB sehingga tarikh ini adalah seperti berikut:

- (i) tingkat G – ruang studio belum digunakan kerana peralatan belum dibekalkan, walau bagaimanapun ruang foyer sudah diubahsuai dengan rawatan akustik untuk digunakan sebagai lokasi pelbagai aktiviti seperti penerbitan dan siaran TV, serta penggunaan ruang pelbagai guna;
- (ii) tingkat 1 – bilangan petugas adalah seramai 112 orang;
- (iii) tingkat 2 – Unit Perpustakaan Berita Ehwal Semasa, Arkib Digital dan Pusat Sumber Maklumat berjumlah 14 orang;
- (iv) tingkat 3 – ruang studio tidak digunakan kerana menunggu peralatan;
- (v) tingkat 4 – Stesen Media Baharu berjumlah 42 orang;
- (vi) tingkat 5 – Seksyen Berita Radio berjumlah 149 orang; dan
- (vii) tingkat 6 – Unit Pengurusan Am, Seksyen Berita Radio, Unit Antarabangsa dan Seksyen Hal Ehwal Semasa berjumlah 159 orang.

Jadi daripada segi penggunaan studio Tuan Pengerusi, bahawa sekarang ini pejabat. Akan tetapi Yang Berhormat, sebut tentang tidak menepati objektif, saya akui pembinaan Pusat Berita Bersepadu ini tidak dapat memenuhi objektif asal. Ini disebabkan tiada peralatan yang dibekalkan. Akan tetapi *insya-Allah*, saya percaya di bawah Projek Media City, apabila semua peralatan yang sepatutnya dibekalkan, dibekalkan mengikut perjanjian konsesi, *insya-Allah*, kita dapat gunakan untuk menepati tujuan atau objektif iaitu memusatkan operasi Bahagian Berita Radio dan TV sebumbung, yang mana sebelum ini beroperasi di lokasi berasingan iaitu Berita TV di Wisma TV dan Berita Radio di Wisma Radio. Okey, terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Wee Jeck Seng: Dato, Dato...

Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim: Saya.

Datuk Wee Jeck Seng: Kata hendak menempati peralatan, bilakah?

Dato' Haji Abu Bakar bin Ab. Rahim: Perbincangan sekarang sedang diadakan dengan pemegang konsesi antara UKAS dengan pemegang konsesi. Diharapkan sekiranya dapat dimuktamadkan dalam tahun ini, keseluruhan projek bakal siap dalam masa 36 bulan. Itu satu. Akan tetapi untuk Wisma Berita, selepas kemuktamadan perjanjian konsesi ini dalam masa 12 bulan untuk Pusat Berita Bersepadu, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jadi Media City ini apa yang hendak kena *privatized* ini? Saya pun tidak faham. Angkasapuri itu sendiri kah, *the whole complex* itu? So, Dato' pindah pejabat mana, Dato'?

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Saya, sebenarnya apabila saya datang Yang Berhormat, saya minta supaya RTM memberikan saya sedikit *briefing* berkaitan Media City, berkaitan dengan pembangunan FINAS sebab saya memang hendak tahu dan saya sendiri telah pergi ke Media City di Manchester untuk melihat bagaimana Media City dibina di sana. Jadi RTM dan juga sekelilingnya itu akan dijadikan Media City di mana kami akan menjadikan satu ekosistem yang lebih inovatif dan kreatif. Kalau kita lihat sekarang ini Yang Berhormat, memanglah RTM itu saya pergi semalam ke RTM itu, saya pun memang rasa, *"No, this is not what you are supposed to be. It is compartmentalize. Everybody will be sitting in their own room."* Saya kesian tengok dia orang, Yang Berhormat. *It's not their mistakes, saya rasa. Ini zaman dulu, Jurassic punya. Now, we are turning it, insya-Allah...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Itu sesuai pada zaman itu Yang Berhormat. Memang sesuai. Saya pun memang kerja di sana dulu sebagai penerbit TV. *So, my heart is always there,* seperti Yang Berhormat jugalah. *So, insya-Allah,* saya rasa kami cuba. Sekarang ini, *In fact tomorrow* Yang Berhormat, saya terus untuk mengadakan satu sesi sebab RTM harus ditransformasikan. Saya hendak janjilah, bukan hendak janji untuk yang terbaik tetapi sekurang-kurangnya semasa saya menerajui kementerian, saya akan cuba untuk membawa semangat transformasi.

Tuan Pengerusi: Dato' lama lagi, Dato'?

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Tidak lama, *I am rushing for times, Sir. I am rushing but insya-Allah, by August next year I'll be gone. Ya, by August next year, Sir.* Saya akan cuba sedaya upaya sebab saya melihat *they are very creative people, Sir. With just a little bit of drive,* sedikit sebanyak saya rasa mereka- esok kami adakan satu *executive talk* dan sebagainya. *We will transform RTM.*

Tuan Pengerusi: Staf TV3 kah, NTV7 kah, semua datang dari RTM dulu. Bukan dari luar pun. Okey, taklimat Dato' sudah habis?

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Ya, saya rasa itu sahaja Yang Berhormat. Saya hendak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Belum, belum. Ada soalan lagi.

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: Ada lagi?

Tuan William Leong Jee Keen: Ya, satu soalan lagi. Tentang *extension of time.* Mengapakah kelewatan 190 hari untuk kelewatan kelulusan reka bentuk kekuda bumbung? Kalau lihat...

Tuan Pengerusi: Dia ada *change of specs* juga dia hendak. Kenapakah benda ini boleh berlaku?

Tuan William Leong Jee Keen: *Why you takes 190 days to approve?*

Tuan Pengerusi: Akhirnya dia *result in EOT* diberikan. Kenapakah daripada awal-awal perkara ini tidak dimasukkan dalam *spec* sahaja supaya tidak dibuat modifikasi selepas itu?

Ir. Cheong Pui Keng: Tuan Pengerusi, *I think* perkara ini melibatkan beban daripada sistem mekanikal dan juga elektrik. Semasa kerja dijalankan, didapati kekuda perlu dikuatkan untuk menampung beban daripada sistem mekanikal dan juga elektrik.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *I thought you should spec everything out from the start* kan? *This is simple building. It's not even a tall building. Its only four storeys.*

Ir. Cheong Pui Keng: *Seven storeys.*

Tuan Pengerusi: *Seven Storeys*

Ir. Cheong Pui Keng: *Seven Storeys*

Tuan Pengerusi: *It's not a skyscraper. So, all of these things should have been included in your needs statement, incorporate user requirement. Selepas itu kalau the floor the ceiling cannot...*

Ir. Cheong Pui Keng: *The roof.*

Tuan Pengerusi: *The roof cannot take the load, orang kata this basic* lah. Siapakah konsultan untuk projek ini?

■1310

Ir. Cheong Pui Keng: *This is the- I think the roof is design and build.*

Tuan Pengerusi: *Yeah, but why was his work not connected with the rest?* Siapa, siapakah ini? PJSI Consultant?

Ir. Cheong Pui Keng: *The first design wasn't strong enough to cater for the additional loading...*

Tuan Pengerusi: *Then you shouldn't have to approve it.*

Ir. Cheong Pui Keng: *It has happened, you see.*

Tuan Pengerusi: *I know, JKR issue I think takes up 30% to 40% of AG's work. And this is...* Siapa perunding yang itu, siapakah? PJSI atau Angkasa? PJSI?

Ir. Cheong Pui Keng: PJSI.

Tuan Pengerusi: *Is it a recognised consultant? Experienced wise? Even worst if they are.*

Ir. Cheong Pui Keng: *JKR organise structure, the design part is been tackled by taken care off by the Design Section, you see. So, all the consultants are appointed by the Design Section.*

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya sedikit. JKR sudah laksana belum? Masa UPSI punya *hearing* tahun lepas, kita minta JKR untuk ada *internal review* dia punya apa kerja yang dia sudah buat, pemantauan yang lebih rapi. Fasal dulu, bila sudah buat kerja itu, sudah lah, tidak ada orang *check* dan sebagainya. Timbalan Ketua Pengarah *you-* siapa yang itu, namanya, Datuk apa?

Ir. Cheong Pui Keng: *I think the previous hearing on IPD Sentul is the...*

Tuan Pengerusi: IPD Sentul, ya.

Ir. Cheong Pui Keng: Timbalan Ketua Pengarah lah. Lepas *hearing* itu, pihak JKR sudah mengadakan penstrukturan semulalah, di mana tenaga kerja di Sektor Reka Bentuk sudah ditambahkan.

Tuan Pengerusi: Sudah tambah?

Ir. Cheong Pui Keng: Sudah tambah.

Tuan Pengerusi: *So, lepas ini shouldn't be happened like this, lah?*

Ir. Cheong Pui Keng: *Should improve lah.*

Tuan Pengerusi: *Should improve by how much? [Ketawa]*

Ir. Cheong Pui Keng: *I don't know because... [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *No, the issue that was given to us in the hearing was, you tidak cukup kakitangan, tidak cukup specialized staff...*

Ir. Cheong Pui Keng: *The designer.*

Tuan Pengerusi: *The designer.*

Ir. Cheong Pui Keng: *The designer seems to be increased already.*

Tuan Pengerusi: *That's why nobody checks the design that the consultants draw, kan? But we said, that's not an excuse lah.*

Ir. Cheong Pui Keng: *Now JKR Malaysia has a stronger Design Sector in it.*

Tuan Pengerusi: *You pakai tidak that software itu yang the one where you can super imposed...*

Ir. Cheong Pui Keng: *Yes, they have started doing that. BIM.*

Tuan Pengerusi: *Ya, BIM, BIM. Have you done that?*

Ir. Cheong Pui Keng: *Yes, they have started doing it.*

Tuan Pengerusi: *So, it should reduce a lot of the mistake lah, in design.*

Ir. Cheong Pui Keng: *That is more for the interfacing problem lah supaya sistem mekanikal tidak bercanggah dengan paip air dan sebagainya.*

Tuan Pengerusi: *Ya, ya, ya [Ketawa] Dah buat?*

Ir. Cheong Pui Keng: *We have started doing it.*

Tuan Pengerusi: *Started? No, no, my question is buat atau tidak buat, not started.*

Dato' Ir. Azizah binti Osman: *Yang Berhormat, I think JKR try to move forward lah by using BIM, but unfortunately at this moment kita ada masalah untuk dapatkan peruntukan lah untuk beli komputer and the software. But we try our best lah to use BIM untuk masalah coordination macam ini lah because we have all the discipline like mechanical, electrical, architect and structural, so everybody has to be in the team has to talk to each other. At the moment, I think the work that goes on maybe kita boleh katakan some sort like silo lah juga. Orang ini buat kerja dia, orang ini...*

Tuan Pengerusi: *Very obvious, very obvious. Macam Dato' Zarah kata RTM silo, JKR pun silo juga tetapi RTM silo program yang keluar tidak cantik saja ataupun TV itu blackout. JKR punya silo, bangunan boleh tumbang, orang boleh mati.*

Dato' Ir. Azizah binti Osman: *It can go to that effect lah. Kita cuba lah menggunakan BIM because it is very effective lah to resolve coordination problem ini lah.*

Tuan Pengerusi: *At least the basic issues can be spotted by BIM and then the attention of your designers and engineers can be directed to it.*

Dato' Ir. Azizah binti Osman: *Mungkin apa yang kita propose back to EPU and so on boleh dipertimbangkanlah untuk...*

Tuan Pengerusi: Kalau hendak peruntukan lebih, boleh kita di PAC cakap minta peruntukan untuk JKR. Kita syorkan, tiada masalah.

Dato' Ir. Azizah binti Osman: *We've already submitted.*

Tuan Pengerusi: Akan tetapi kalau dah ada nanti, *two three years down the road you come back here and say the same thing... [Ketawa] [Disampuk] Ha see... [Ketawa] Eh, now no ya. Now, we will call back the person in charge at that time. But I just want to remind you, for BestariNet, we are calling the KSU that was involved, the project manager that was involved at that time and also the DG of the Education that was involved at that time. Eventhough they all retired or they have left the company, we are calling them back anyway. Even though things that happened three years ago.*

Semalam 1Azam pun *we will got to call back Datuk Nurul eventhough she's now MOSTI punya Secretary General. This PAC is different to the old PAC. Because Yang Berhormat PJU is here [Ketawa] [Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]*

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa soalan lain? Ada juga.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita belanja lebih RM90 juta untuk bangunan yang tidak boleh fungsi dengan seratus peratus. Apa Dato' anggap tanggungjawab yang paling besar yang mesti ditanggung, siapakah itu yang mesti tanggungkan kegagalan ini?

Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah binti Syed Ahmad: *[Ketawa] Yang Berhormat, Saya lihatlah- saya akan tutup mike ini...*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri] [Mikrofon dimatikan]

Dr. Tan Seng Giaw: Memang tidak puas hati. Kalau puas hati, kita tidak ada di sini.

Tuan Pengerusi: Okeylah, tidak ada soalan lain? Kalau tidak ada soalan lain, saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato'. *This is not going to be a good report, I can tell you upfront, but we appreciate your effort to move forward dengan mengadakan penambahbaikanlah. Then I think we focus on that, make sure that apa aset yang kita sudah bina ini akhirnya boleh digunakan sepenuhnya mengikut matlamat asal dia.*

Saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato'- Dato' apa...? Encik Shukor dan juga pegawai-pegawai daripada kementerian dan juga JKR kerana telah sudi datang pada mesyuarat kita pada hari ini. *As your reward Dato', lunch is served. I may not join you, fasal hendak tahu berapa banyak press datang ini. Hendak tahu sama ada ini berkenaan dengan isu RTM, TV station yang lain hendak datang, hendak cover. Hendak tunjukkan kesalahan RTM [Ketawa] Takut banyak soalan nanti dia tanya tetapi saya akan cuba jawablah. Terima kasih Dato' ya. Baik, Terima kasih.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.21 petang.]

DOKUMEN PEMBENTANGAN



**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILANGAN 14/2015**

**PROJEK PEMBINAAN PUSAT BERITA
BERSEPADU (PBB), JABATAN
PENYIARAN MALAYSIA (RTM)**

LKAN SIRI 3/2013

25 MAC 2015

JABATAN AUDIT NEGARA



**TUJUAN
PEMBINAAN**

- Memastikan kepastan penyiaran berita dan melicinkan proses kerja Pusat Berita TV, Berita Radio dan Bahagian Ehwat Semasa.
- Mempertingkatkan kemudahan Khazanah Audio Visual untuk menempatkan semua *footage* dan program Audio Visual RTM.

LATAR BELAKANG PROJEK

- Siling Projek : RM90.58 juta
- Tarikh Milik Tapak : 28 Januari 2009
- Tarikh Patut Siap : 13 Julai 2010
- Lokasi : Kawasan Angkasapuri, Kuala Lumpur
- Keluasan Lantai : 32,483 meter persegi
- Pegawai Penguasa (PP): Pengarah JKR WPKL
- Wakil PP : Ketua Penolong Pengarah Kanan
(Pembangunan)
- Kontraktor Utama : JJ Actfast Development Sdn. Bhd.
- Kaedah Pembiayaan : Projek *Private Financial Initiative* (PFI)
- Tarikh Serah : 28 Jun 2012

LATAR BELAKANG PROJEK



BIL.	NAMA PERUNDING	BIDANG
1.	Arkitek Reka Konsult Sdn. Bhd.	Reka Bina
2.	PJSI Consultants Sdn. Bhd.	Sivil Dan Struktur
3.	Angkasa Jurutera Perunding Sdn. Bhd.	Mekanikal
4.	Ranhill Consulting Sdn. Bhd.	Elektrik
5.	Perunding DMA Sdn. Bhd.	Ukur Bahan



BIL.	NOMINATED SUB CONTRACTOR	JENIS KERJA
1.	HBS Engineering Sdn. Bhd.	Sistem Pencegahan Kebakaran
2.	JRM Services	Sistem Penghawa Dingin
3.	Elta Elevator (M) Sdn. Bhd.	Sistem Lif
4.	PTIS Engineering Sdn. Bhd.	Pemasangan Sistem Voltan Tinggi
5.	Seantero Electrical, Civil & Engineering Sdn. Bhd.	Pemasangan Sistem Perlindungan Kilat
6.	Pakarkom Sdn. Bhd.	Pemasangan Sistem IT
7.	CD Electrical Engineering Sdn. Bhd.	Pemasangan Voltan Rendah

PRESTASI KEWANGAN

PERBELANJAAN BAGI PROJEK PEMBINAAN PBB

KOS SILING (RM Juta)	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2014 (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
90.58	86.82	95.85

Sumber: Bahagian Pembangunan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia

SKOP AUDIT

- Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Pembinaan PBB bagi tempoh tahun 2009 hingga 2013.
- Pengauditan telah dijalankan di:
 - Jabatan Kerja Raya (JKR) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
 - JKR, Cawangan Kerja Bangunan Am;
 - JKR, Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan;
 - JKR, Cawangan Kejuruteraan Mekanikal;
 - JKR, Cawangan Kejuruteraan Elektrikal;
 - JKR, Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur Dan Jambatan;
 - Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Kuala Lumpur; dan
 - Seksyen Kejuruteraan Digital Interaktif, RTM.

METODOLOGI

- Menyemak fail, rekod, dokumen dan kontrak di samping perbincangan dan temu bual dengan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab.
- Lawatan fizikal ke lokasi PBB.
- Testimoni melalui 50 borang soal selidik dijalankan kepada pengguna PBB untuk mendapatkan maklum balas kepuasan pengguna.

RUMUSAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya Projek Pembinaan PBB adalah memuaskan iaitu:

61 bayaran interim telah diselesaikan dalam tempoh 30 hari mengikut kontrak

RM1.82 juta bayaran Ganti Rugi Tertentu Dan Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) dikutip daripada kontraktor utama

RUMUSAN PENEMUAN AUDIT

Pencapaian *Outcome* Projek: Hasil soal selidik mendapati 53.6% pengguna tidak berpuas hati dengan kualiti pembinaan asal.

Kerja pembinaan dibuat sebelum mendapat Kelulusan Perintah Pembangunan (DO)

Kontraktor utama gagal penilaian peringkat kedua bagi keupayaan teknikal

Extension Of Time (EOT) yang diluluskan oleh JKR meliputi 99.8% daripada tempoh kontrak

Perakuan Siap Kerja/ *Certificate Of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan sebanyak 2 kali

Kualiti kerja pembinaan PBB kurang memuaskan

Tiada pelantikan kontraktor bagi kerja penyenggaraan berjadual bangunan

Bangunan PBB tidak dapat digunakan secara optimum

PENEMUAN AUDIT

1. PENCAPAIAN *OUTCOME* PROJEK


Borang soal selidik diedarkan kepada seramai 50 orang kakitangan RTM bagi menentukan tahap kepuasan pengguna terhadap bangunan PBB.

Hanya 46.4% pengguna berpuas hati dengan kualiti pembinaan PBB.

53.6% pengguna tidak berpuas hati dengan alasan sistem penyaman udara bangunan, kemudahan lif dan kerja kemas kurang memuaskan; kebocoran bumbung; tempat letak kenderaan terhad/tidak mencukupi; paip tersumbat dan tiada peralatan dibekalkan.

1. PENCAPAIAN *OUTCOME* PROJEK (sambungan)

TAHAP KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP
PEMBINAAN PBB



2. KERJA PEMBINAAN DIBUAT SEBELUM MENDAPAT KELULUSAN PERINTAH PEMBANGUNAN (DO)

Berdasarkan Peraturan Kerajaan Tempatan, kontraktor tidak boleh memulakan/melaksanakan sebarang kerja di tapak pembinaan sehingga kelulusan Perintah Pembangunan (DO) diperolehi.

